



**DR 1 TAHUN 2015
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA**

**LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PROJEK PEMBINAAN
IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) SENTUL**

**- KEMENTERIAN DALAM NEGERI-
- JABATAN KERJA RAYA -**



LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
1.	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul	1
2.	Rumusan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	11
3.	Agenda Mesyuarat	
	a. Bilangan 33/2014 pada Selasa 14 Oktober 2014	13
4.	Laporan Prosiding	
	a. Bilangan 33/2014 pada Selasa 14 Oktober 2014	
5.	Dokumen Pembentangan	

**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
TERHADAP
PEMBINAAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) SENTUL
KEMENTERIAN DALAM NEGERI & JABATAN KERJA RAYA**

1. PENDAHULUAN

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 (Siri 2) di Dewan Rakyat pada 16 Jun 2014 telah mendedahkan beberapa perkara berkaitan dengan Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul, Kuala Lumpur. Setelah meneliti Laporan Ketua Audit Negara tersebut, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara/*Public Accounts Committee* berpendapat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara perlu membincangkan perenggan 11 ini dengan lebih lanjut dan terperinci supaya Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara tanpa prejudis secara bebas dapat mengemukakan pendapat dan syor terhadap isu-isu yang berbangkit dalam projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis (IPD) Sentul, Kuala Lumpur ini.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara telah membincangkan isu pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul, Kuala Lumpur yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 (Siri 2). Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), Jawatankuasa telah membuat pemeriksaan terhadap perkara ini dengan tujuan:

- i. Mengenal pasti dasar Kerajaan yang berkaitan dengan isu perolehan tersebut;

- ii. Menentukan sama ada perbelanjaan telah dibuat dengan berhemat atau sebaliknya;
- iii. Mengenal pasti sama ada pembayaran yang dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa; dan
- iv. Mengesyorkan tindakan yang patut diambil terhadap semua pihak yang terlibat sekiranya didapati berlaku penyelewengan dalam perbelanjaan wang awam.
- v. Meneliti kualiti pembinaan yang telah dilaksanakan.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a) Menjemput Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan.
- b) Memanggil pihak yang terlibat dalam pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul, Kuala Lumpur iaitu Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- c) Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan; Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi untuk hadir bersama.

4. LIMITASI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tiada limitasi dikenal pasti.

5. LATAR BELAKANG PROJEK PEMBINAAN IBU PEJABAT DAERAH (IPD) SENTUL, KUALA LUMPUR

Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul, Kuala Lumpur adalah merupakan projek yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dan di bawah program *Private Finance Initiative* (PFI) yang diberi keutamaan untuk dilaksanakan pada tahun 2008. Projek ini dilaksanakan di atas tanah seluas 2.14 ekar meliputi kerja-kerja pengubahsuaian dan menaik taraf Ibu Pejabat Polis Daerah, Sentul lama yang telah berusia 35 tahun. Pengurusan dan operasi sementara Ibu Pejabat Polis Daerah, Sentul telah dipindahkan ke Balai Polis Jinjang dan Balai Polis Kepong mulai 16 Mei 2010 manakala Balai Polis Sentul telah beroperasi di premis yang disewa. Jabatan Kerja Raya telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi projek ini. Kontraktor yang dilantik bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan ini adalah syarikat SAFF Builders Sdn. Bhd. secara rundingan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM64 juta dan tempoh siap adalah selama 90 minggu. Projek ini sepatutnya siap pada 3 Februari 2012 tetapi hanya dapat disiapkan pada 31 Mei 2013 setelah 4 lanjutan masa yang diluluskan selama 483 hari. Pegawai Penguasa bagi projek ini ialah Pengarah JKR Wilayah Persekutuan.

6. HASIL PERBINCANGAN DAN PENEMUAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu Kementerian Dalam Negeri yang diwakili oleh YBhg. Dato' Sri

Mohamad Khalid bin Haji Shariff, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan YBhg. Datuk Ir. Hj. Adanan bin Mohamed Hussain, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bisnes) telah dipanggil untuk memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

6.1. Penjelasan Awal Oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)

Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) telah memaklumkan mengenai hasil kajian terhadap pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul, Kuala Lumpur:

- a) Secara keseluruhannya pembinaan IPD Sentul telah mencapai objektifnya iaitu menyediakan bangunan yang moden dan lebih selesa. Bagaimanapun, projek ini hanya disiapkan selepas 4 lanjutan masa (483 hari) yang diluluskan.
- b) Beberapa kelemahan telah ditemui seperti berikut:
 - (i) kelewatan menduduki bangunan di mana bangunan ini hanya diduduki sepenuhnya pada bulan Januari 2014 walaupun Perakuan Serahan Kerja Siap telah dikeluarkan oleh JKR Wilayah Persekutuan pada 5 Jun 2013;
 - (ii) Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 24 September 2008 telah bersetuju supaya projek ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat SAFF Builders Sdn. Bhd. Bagaimanapun, tidak ada bukti Surat Niat dikeluarkan oleh pihak JKR kepada kontraktor;

(iii) perolehan bahan atau barangan siap yang diimport yang berada dalam negara tanpa kelulusan Kementerian Kewangan;

(iv) pembinaan pagar keselamatan tidak meliputi keseluruhan kompleks di mana pagar keselamatan tidak di bina di hadapan balai; dan

(v) terdapat reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai dan kerja pembinaan yang kualitinya tidak memuaskan seperti berikut:

- Kedudukan pili air yang tidak sesuai ;
- Ketinggian pemasangan tingkap tidak sesuai dan kedudukan tingkap tandas dan bilik mandi wanita dari bahagian luar mudah diakses;
- Keretakan pada permukaan lantai bumbung kontrik rata; dan
- Mendapan di kawasan landskap.

c) Siling peruntukan bagi projek ini adalah berjumlah RM77 juta. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2013, sebanyak 17 Arahan Perubahan Kerja (APK) telah diluluskan berjumlah RM2.37 juta dan 42 Pelarasan Harga Kontrak (PHK) telah diluluskan berjumlah RM3.99 juta. Selepas mengambil kira APK dan PHK, nilai kontrak asal berjumlah RM64 juta telah meningkat kepada RM70.36 juta iaitu peningkatan sebanyak 9.9%. Selain daripada harga kontrak, Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga menanggung kos lain yang terlibat dengan projek ini berjumlah RM8.18 juta.

d) Perakuan Serahan Kerja Siap telah dikeluarkan oleh JKR Wilayah Persekutuan pada 5 Jun 2013. Bagaimanapun, bangunan ini hanya diduduki sepenuhnya pada bulan Januari 2014. Dalam tempoh pembinaan, Balai Polis Sentul telah beroperasi sementara di premis yang disewa di SO1 Level 1, Putra Majestik AT. Lot 29 Sek 83, Jalan Kasipillay, Kuala Lumpur dengan kadar sewa RM12,252 sebulan. Tempoh sewaan adalah selama 3 tahun bermula pada 1 April 2010 hingga 30 Mac 2013. Bagaimanapun, tempoh sewaan ini telah dilanjutkan sehingga 30 Mac 2014 memandangkan perpindahan ke bangunan baru tidak dapat dilaksanakan mengikut masa yang dirancang.

6.2. Keterangan Oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bisnes) dan Pengarah Jabatan Logistik, Polis DiRaja Malaysia

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri telah memaklumkan bahawa projek ini telah dijalankan secara konvensional perunding dan JKR Wilayah Persekutuan telah dilantik sebagai agensi pelaksana. Siling projek asal adalah berjumlah RM77 juta dan Kementerian Dalam Negeri telah mendapat tambahan RM1 juta menjadikan siling projek adalah berjumlah RM78 juta. Manakala siling keseluruhan projek adalah berjumlah RM83.6 juta dan Kementerian Kewangan telah meluluskan tambahan siling projek. Antara sebab tambahan siling projek ini ialah kenaikan kos perunding untuk terus membuat penyeliaan disebabkan oleh tempoh lanjutan masa menyiapkan projek.

6.2.1. Sebab-sebab Perakuan Lanjutan Masa diberikan kepada kontraktor adalah seperti berikut:

- a. Kajian siasatan tanah telah dijalankan oleh pihak IKRAM sebelum kontraktor dilantik. Semasa pembinaan, Kontraktor yang dilantik telah menemui granite grade A ketika aktiviti *borings* dilaksanakan. Ini telah menyebabkan pindaan terhadap *drawings*.
 - b. Perunding mempunyai kekangan masa menyediakan lukisan pembinaan sebelum perolehan secara rundingan terus dilaksanakan.
 - c. Keperluan tambahan seperti CCTV, bilik soal siasat dan bilik pemerhati perlu dilaksanakan atas sebab keselamatan.
 - d. Pemasangan kabel oleh Tenaga Nasional Berhad mengambil masa kerana pihaknya terpaksa mematuhi syarat Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur yang meminta pemasangan kabel secara *horizontal direct drilling*.
- 6.2.2. Perolehan bahan atau barangan siap yang diimport yang berada dalam negara tanpa kelulusan Kementerian Kewangan.

Bagi projek ini, tiada semua barangan adalah barangan import yang mana terdapat campuran komponen barangan tempatan dan import. Ini telah menepati syarat penggunaan barangan tempatan.

6.2.3. Pembinaan Pagar Keselamatan Tidak Dibina Di hadapan Balai Polis.

Menurut Pengarah Jabatan Logistik, Polis Diraja Malaysia, ketiadaan pagar hanyalah di kawasan yang menuju ke Balai Polis. Bahagian hadapan Balai Polis tiada pagar dibina bertujuan untuk memudahkan orang ramai berurusan dengan pihak Polis. Bagaimanapun, Balai Polis tersebut mempunyai pegawai yang bertugas 24 jam dan dilengkapi dengan CCTV. Selain itu, kajian keselamatan ada dibuat dari semasa ke semasa.

7. RUMUSAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- 7.1. Reka bentuk yang disediakan oleh perunding perlu disemak dan disahkan oleh Jabatan Kerja Raya secara terperinci supaya tidak berlaku masalah reka bentuk selepas siapnya pembinaan.
- 7.2 Memandangkan Jabatan Kerja Raya mempunyai kepakaran dalam bidang pembinaan bangunan Kerajaan, isu kualiti yang kurang memuaskan sepatutnya tidak berlaku.
- 7.3 Pengguna (Polis Diraja Malaysia) perlu dilibatkan secara aktif semasa proses perancangan terutamanya dari aspek keselamatan semasa peringkat reka bentuk dan juga lain-lain keperluan khusus.

- 7.4 Peranan perunding yang dilantik oleh JKR seperti IKRAM tidak melaksanakan tanggung jawab mereka dengan cekap yang menyebabkan kesulitan, kelewatan projek siap dan pertambahan kos projek.

8. SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- 8.1 Jabatan Audit Negara perlu memberikan tumpuan khusus terhadap keseluruhan projek-projek yang telah ditawarkan atau dilaksanakan di bawah konsep PFI yang memperolehi dana daripada syarikat PFI Sdn Bhd seperti projek ini.

Ini adalah kerana projek-projek PFI seperti Pembinaan IPD Sentul adalah terkeluar daripada lingkungan perbelanjaan Kerajaan yang biasa.

- 8.2 PAC mencadangkan supaya Jabatan Audit Negara menjalankan kajian khas terhadap pengurusan pembiayaan projek-projek di bawah konsep PFI.
- 8.3 Jabatan Kerja Raya perlu mengadakan satu proses Audit reka bentuk atau memiliki perisian khas yang boleh menentukan sesuatu rekaan secara standard bagi memasti tiada masalah rekabentuk sewaktu pembinaan dijalankan.
- 8.4 PAC mencadangkan JKR untuk menyusun semula organisasinya dan tatacara kerja bagi memastikan pemantauan terhadap kerja-kerja perunding dan kontraktor dibuat dengan lebih rapi.

8.5 Seksyen Pengurusan Nilai di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri hendaklah memantau supaya masalah berkaitan dengan reka bentuk, keperluan pengguna, pengambilan balik tanah dan sebagainya tidak berulang pada projek lain pada masa hadapan.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

Januari 2015

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PARA	RUMUSAN
7.1	Reka bentuk yang disediakan oleh perunding perlu disemak dan disahkan oleh Jabatan Kerja Raya secara terperinci supaya tidak berlaku masalah reka bentuk selepas siapnya pembinaan.
7.2	Memandangkan Jabatan Kerja Raya mempunyai kepakaran dalam bidang pembinaan bangunan Kerajaan, isu kualiti yang kurang memuaskan sepatutnya tidak berlaku.
7.3	Pengguna (Polis Diraja Malaysia) perlu dilibatkan secara aktif semasa proses perancangan terutamanya dari aspek keselamatan semasa peringkat reka bentuk dan juga lain-lain keperluan khusus.
7.4	Peranan perunding yang dilantik oleh JKR seperti IKRAM tidak melaksanakan tanggung jawab mereka dengan cekap yang menyebabkan kesulitan, kelewatan projek siap dan pertambahan kos projek.

PARA	SYOR
8.1	<p>Jabatan Audit Negara perlu memberikan tumpuan khusus terhadap keseluruhan projek-projek yang telah ditawarkan atau dilaksanakan di bawah konsep PFI yang memperolehi dana daripada syarikat PFI Sdn Bhd seperti projek ini.</p> <p>Ini adalah kerana projek-projek PFI seperti Pembinaan IPD Sentul adalah terkeluar daripada lingkungan perbelanjaan Kerajaan yang biasa.</p>
8.2	<p>PAC mencadangkan supaya Jabatan Audit Negara menjalankan kajian khas terhadap pengurusan pembiayaan projek-projek di bawah konsep PFI.</p>
8.3	<p>Jabatan Kerja Raya perlu mengadakan satu proses Audit reka bentuk atau memiliki perisian khas yang boleh menentukan sesuatu rekaan secara standard bagi memasti tiada masalah rekabentuk sewaktu pembinaan dijalankan.</p>
8.4	<p>PAC mencadangkan JKR untuk menyusun semula organisasinya dan tatacara kerja bagi memastikan pemantauan terhadap kerja-kerja perunding dan kontraktor dibuat dengan lebih rapi.</p>
8.5	<p>Seksyen Pengurusan Nilai di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri hendaklah memantau supaya masalah berkaitan dengan reka bentuk, keperluan pengguna, pengambilan balik tanah dan sebagainya tidak berulang pada projek lain pada masa hadapan.</p>

AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- Mesyuarat PAC Bil 33/2014 Pada Selasa 14 Oktober 2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 33/2014 PADA SELASA 14 OKTOBER 2014
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
14 Oktober 2014 (Selasa) 11.00 pagi	Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul	1. Kementerian Dalam Negeri 2. Jabatan Kerja Raya

LAPORAN PROSIDING

- Mesyuarat PAC Bil 33/2014 Pada Selasa 14 Oktober 2014

Bil. 33

**Selasa
14 Oktober 2014**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul

- Kementerian Dalam Negeri
- Jabatan Kerja Raya

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA**

SELASA, 14 OKTOBER 2014

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi (Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa)
Encik Ahmad Fauzi bin Mustafa (Pegawai Penyelidik)

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]
Puan Rokiah binti Sahat [Timbalan Pengarah Audit Persekutuan]
Encik Zamani bin Md. Jidin [Timbalan Pengarah Teknikal, JKN]
Encik Md. Adnan bin Abdullah [Ketua Seksyen Audit, Audit Kerajaan Persekutuan
Kerja Raya Bahagian II]

Samb/-

HADIR BERSAMA *(samb/)***Kementerian Kewangan**

Dr. Uzailee bin Abdul Latif [Ketua Seksyen Bahagian Perolehan Kerajaan]
Puan Faridah Nor binti Mohd Yasin [Ketua Penolong Setiausaha
(Parlimen dan Kabinet) 2]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Maslina bin Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir [TPBK(K)A]

Unit Perancang Ekonomi

Encik Ahmad bin Ali [Timbalan Pengarah]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff [Ketua Setiausaha]
YBhg. Datuk Hj. Hasim bin Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pengurusan)]
YBhg. Dato' Sri Adenan bin Ab. Rahman [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
(Pembangunan dan Perolehan)]
YBhg. Dato' Nor Ashikin binti Hj Md Salim [Setiausaha Bahagian Kewangan]
Puan Kamariah binti Mohd Noah [Setiausaha Bahagian Pembangunan]
Puan Attia Azarina binti Amirluddin [Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kewangan]
Encik Amirul Amrie bin Haji Hasnul [Ketua Penolong Setiausaha, Unit Integriti]
Encik Mohd Nazib bin Che Din [Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pembangunan]
Encik Badrul Hisham bin Mohd [Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan]
Puan Aida binti Md. Rashid [Juruaudit, Bahagian Audit Dalam]
Cik Fatimah Nazaliza binti Mohd Nasir [Penolong Setiausaha, Bahagian Kewangan]
Cik Shima Shazana binti Mohd Ali [Penolong Setiausaha, Bahagian Kewangan]
Puan Noor Zahariah binti Samat [Penolong Pegawai Tadbir, Bahagian Kewangan]

Polis Diraja Malaysia (PDRM)

YBhg. C.P. Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah [Pengarah Jabatan Logistik]
Tuan ACP Mohd Yusoff bin Hussain [Ketua Jabatan Logistik,
Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, PDRM]
Tuan ASP Jebat bin Bakar [Ketua Unit Projek, Bahagian Pembangunan Jabatan Logistik, PDRM]
Tuan Asp. Edwan bin Safie [IPK, Kuala Lumpur]

Jabatan Kerja Raya

YBhg. Datuk Ir. Hj. Adanan bin Mohamed Hussain [Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
(Sektor Bisnes)]
Tuan Ir. Tan Tiong Ben [Pengarah Cawangan Kerja Keselamatan]
Tuan Ir. Cheong Pui Keng [Pengarah JKR Wilayah Kuala Lumpur]
Tuan Ir. S.M. Salim bin Abu Yusof [Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal]

(samb/)

SAKSI-SAKSI *(samb)*

Jabatan Kerja Raya

Tuan Ir. Haji Hizamul-din bin Ab. Rahman [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Elektrik),
Cawangan Kejuruteraan Elektrik]

Puan Ar. Rosila binti Mohamed [Ketua Penolong Pengarah Kanan Cawangan Arkitek]

Puan Sr. Rozita binti Yahya [Ketua Penolong Pengarah Kanan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan]

Encik Che Aziz bin Derasid [Ketua Penolong Pengarah, Unit Pengurusan Projek 4,
Cawangan Kerja Keselamatan]

Encik Stanley anak Philip [Penolong Pengarah Kanan, JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur]

Encik Mohd Faizal bin Mohamad [Penolong Pengarah, Cawangan Kuala Lumpur]

Tuan Ir. Roslan bin Ibarahim [Ketua Penolong Pengarah, JKR Wilayah Kuala Lumpur]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Selasa, 14 Oktober 2014****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.15 pagi****[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Pengerusi: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Selamat pagi saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC, wakil-wakil kementerian dan juga Datuk Haji Anwari bin Suri dari Jabatan Audit Negara. Jadi, tujuan kita pada pagi ini adalah untuk mengadakan prosiding mengenai isu yang telah ditimbulkan dalam Laporan Audit Negara pada tahun lepas, siri dua tahun ini iaitu berkenaan dengan Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul.

Pada hari ini kita akan panggil Kementerian Dalam Negeri dan juga Jabatan Kerja Raya sebagai kedua-dua jabatan yang telah mengelolakan pembinaan IPD Sentul ini. Antara isu yang dikenal pasti mengenai kelambatan pembinaan projek IPD. Jadi sebelum kita mulakan mesyuarat untuk memanggil Kementerian Dalam Negeri dan juga Jabatan Kerja Raya, saya ingin memaklumkan kepada Jawatankuasa PAC bahawa kita telah siapkan lima buah laporan PAC berkenaan dengan isu-isu yang telah disiasat dan laporan PAC ini dijangka akan dibentangkan dalam sesi Dewan Rakyat kali ini.

Saya ingin maklumkan di sini laporan pertama yang akan dibentangkan adalah laporan PAC berhubung dengan Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Institusi Pendidikan dan Sekolah. Pembentangnya pada hari ini. Kemudian laporan PAC berhubung dengan Pengurusan Perolehan Kapal Penyelidikan dan Latihan *RV Discovery*, Universiti Malaysia Terengganu dijangka akan dibentangkan pada 27 Oktober. Kemudian laporan PAC berkenaan dengan projek peningkatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah dijangka akan dibentangkan pada 28 Oktober. Laporan PAC berkenaan dengan Pengurusan Pelaburan Hartanah Luar Negara oleh KWSP yang akan dibentangkan pada 29 Oktober, dan laporan PAC berhubung dengan Pengurusan Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah dijangka akan dibentangkan pada 3 November.

Jadi pada setiap kali pembentangan laporan dibuat, saya akan adakan *press conference* untuk menerangkan mengenai inti pati laporan PAC ini. Selalunya kita bentangkan dalam Parlimen kita hanya *table*, letak di atas meja Ahli Parlimen dan kadang-kadang laporan itu tidak dibaca dan

dilupakan sahaja. Kali ini saya rasa elok juga kalau saya buat *press conference* saya bantangkan mengenai inti pati laporan PAC.

Untuk makluman, kita telah mengadakan lebih kurang 40 mesyuarat sejak kita mulakan kerja PAC kita pada tahun lepas. Ini merupakan satu jumlah mesyuarat yang banyak yang sudah tentu akan menuntut bahawa kita juga membentangkan hasil mesyuarat-mesyuarat kita. Jadi saya berharap kita akan teruskan kerja ini.

■ 1120

Saya juga hendak maklumkan di sini bahawa senarai prosiding PAC yang akan diadakan. Ini kita buat cadangan dan kementerian sudah setuju hendak datang.

Untuk makluman Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, hari ini kita panggil pasal Projek IPD Sentul. Pada 16 Oktober, kita akan panggil FELDA mengenai isu Pengurusan Perolehan FELDA.

Selepas itu pada 27 Oktober, saya telah menerima surat daripada kontraktor Empangan Paya Peda iaitu JAKS Resources yang minta untuk hadir dalam PAC, untuk memberikan penjelasan mengenai isu pembinaan Empangan Paya Peda.

Kita dimaklumkan di PAC bahawa projek ini merupakan projek *design and build*, tetapi apa yang kita tidak dimaklumkan adalah, projek ini walaupun ia merupakan projek *design and build*, tetapi konsultan *design* telah dipilih oleh kementerian. Kontraktor hanyalah merupakan kontraktor untuk buat empangan itu sahaja. Jadi mereka tidak bertanggungjawab kepada *design* empangan tersebut dan kita juga harus mendengar penjelasan daripada mereka, apakah masalah yang mereka hadapi?

Selepas itu pada 28 Oktober, prosiding PAC akan dipanggil berkenaan dengan Kastam iaitu mesin pengimbas (*scanning machine*) yang digunakan mereka di pintu masuk dan keluar negara kita.

Selepas itu pada 29 Oktober, kita akan panggil DBKL iaitu merupakan prosiding mengenai pengurusan hasil mereka iaitu pengurusan hasil papan iklan yang mereka telah kutip.

Selepas itu pada 3 November, prosiding PAC mengenai FELCRA iaitu pengurusan- ada isu yang timbul dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 tahun ini mengenai pengurusan FELCRA yang tidak mantap.

Selepas itu pada 5 November, kita akan panggil prosiding mengenai JPJ yang baru-baru ini saya telah umumkan bahawa PAC akan panggil JPJ mengenai isu tender nombor kereta. Pada waktu yang sama, sebenarnya kita panggil JPJ ini pun mengenai isu pengurusan MySIKAP yang tidak mantap dan *computer system* di JPJ sendiri.

Selepas itu pada 11 November, prosiding PAC mengenai Kementerian Komunikasi dan Multimedia iaitu isu mengenai Urusan Pembelian *Content* Untuk Siaran di RTM yang telah dimaklumkan oleh Laporan Ketua Audit Negara.

Jadi, itu cadangan senarai prosiding PAC. Memang saya minta maaf kepada Jawatankuasa PAC, kita perlu buat mesyuarat dua kali seminggu sebab hendak habiskan isu-isu yang berkenaan

Laporan Ketua Audit Negara Siri 2. Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 akan dibentangkan pada 10 November kalau tidak silap saya. Itu tambah lagi. Berapa banyak lagi kerja kita akan bertambah dengan laporan tersebut, saya tidak maklum lagi. Akan tetapi pada 10 November nanti, laporan tersebut akan dibentangkan dalam Parlimen.

Jadi sebelum saya hendak teruskan lagi kepada topik kita pada hari ini, saya hendak maklumkan di sini bahawa saya telah menerima surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia iaitu mengenai maklumat tambahan yang kita minta berkenaan dengan perolehan peralatan *Cobra Cutting Extinguisher* oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat. Sebenarnya laporan ini kita boleh muktamadkan, tetapi hendak tunggu satu helai surat ini sahaja untuk hendak mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Kewangan. Jadi, saya rasa elok juga surat ini diedarkan kepada Jawatankuasa. Inti patinya lebih kurang sama dengan apa yang kita telah dimaklumkan dalam prosiding kita. Hendak saya baca surat ini? Tidak payahlah. Baca sahaja. Kita akan edar, selepas itu Ahli Jawatankuasa boleh baca. Kalau boleh lepas ini, dengan surat ini, kita boleh muktamadkan laporan *Cobra Cutting Extinguisher* kitalah.

Jadi tanpa melengahkan masa lagi, saya rasa elok kita pergi kepada prosiding kita pada pagi ini iaitu mengenai projek pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul. Sebelum kita panggil Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan juga wakil daripada JKR, saya minta Datuk Anwari kalau boleh berikan kita sedikit penjelasan.

Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia, salam sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi PAC; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi PAC; Ahli-ahli Yang Berhormat, Datuk-Datuk, Ahli-ahli PAC, pegawai-pegawai kanan daripada wakil Kementerian Kewangan, JPA, Akauntan Negara Malaysia, EPU, Urus Setia PAC, tuan-tuan dan puan-puan. Bersama saya pasukan Audit yang diketuai oleh Puan Rokiah binti Sahat di sebelah saya, *Engineer* Zamani bin Md. Jidin dan *Civil Engineer* iaitu Encik Md. Adnan bin Abdullah.

So projek pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul, Kuala Lumpur, adalah termasuk dalam LKAN 2013 Siri 2. Ini merupakan *construction audit*. So, KDN telah merancang untuk membina IPD Sentul, Kuala Lumpur, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Projek ini telah dibiayai melalui program PFI atau *Private-Finance Initiative*, yang diberi keutamaan untuk dilaksanakan pada tahun 2008. Objektif projek ini adalah untuk menaik taraf IPD lama yang telah berusia 35 tahun.

So, dibina di atas tanah seluas 2.14 ekar, meliputi kerja-kerja ubahsuai dan menaik taraf IPD lama. Pengurusan dan operasi sementara IPD Sentul telah dipindah ke Balai Polis Jinjang dan Balai Polis Kepong pada 16 Mei 2010. Manakala Balai Polis Sentul telah beroperasi sementara di premis

yang disewa di Putra Majestik, Jalan Kasipillay, Kuala Lumpur dan JKR Wilayah telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi projek ini dan pelanggan KDN. Pengguna bagi projek ini pula PDRM.

Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk menawarkan kontrak ini kepada SAFF Builders Sdn Bhd yang kini dikenali sebagai FFAS Builders Sdn. Bhd. Kontrak pembinaan ini bernilai RM64 juta dan perlu disiapkan dalam tempoh 90 minggu dan tarikh pemilikan tapak pada 15 Mei 2010.

Skop kerja projek ini merobohkan bangunan sedia ada, membina satu buah blok bangunan 12 tingkat bangunan pentadbiran, membina satu buah blok bangunan tiga tingkat balai polis jenis bandar, membina satu buah blok empat tingkat podium tempat letak kereta, kerja-kerja jalan dan tempat letak kereta, tembok penahan, sistem perparitan luar, sistem retikulasi air, sistem pembedungan, pagar kawasan dan pintu pagar, kerja-kerja *mechanical* dan *electrical*.

Antara isu-isu yang telah kami temui sepanjang pengauditan bagi tempoh September hingga Disember 2013 mendapati pembinaan IPD ini telah mencapai objektifnya untuk menyediakan bangunan yang moden dan lebih selesa. Semasa lawatan, pihak polis telah mula beroperasi di bangunan ini. Saya sendiri telah membuat lawatan ke projek tersebut.

Walau bagaimanapun, projek ini hanya disiapkan selepas empat lanjutan masa diluluskan. So, terdapat beberapa kelemahan didapati.

Pertama, kelewatan menduduki bangunan di mana bangunan ini hanya diduduki sepenuhnya pada bulan Januari 2014 walaupun Perakuan Kerja Siap telah dikeluarkan oleh JKR Wilayah Persekutuan pada 5 Jun 2013;

■ 1130

Kedua, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 24 September 2008 telah bersetuju supaya projek ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan Syarikat SAFF Builders Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, tidak ada bukti surat niat dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor.

Ketiga, perolehan bahan barangan siap yang diimport yang berada dalam negara tanpa kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

Keempat, pembinaan pagar keselamatan tidak meliputi keseluruhan kawasan kompleks di mana pagar keselamatan tidak dibina di hadapan balai. Saya telah membuat lawatan pada pagi tadi, nampaknya masih serupa.

Kelima, terdapat reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai dan kerja pembinaan yang kualitinya tidak memuaskan.

Jadi, yang ini sebahagiannya telah diambil tindakan dan ada dalam laporan. Kemungkinan pada hari ini bila memanggil pihak JKR dan juga KDN, kita boleh tanya status kecacatan-kecacatan yang telah kita temui. Itu sahaja daripada kami. Selanjutnya, saya akan jemput pegawai saya untuk memperjelas satu persatu jika diperlukan. Terima kasih.

Encik Md. Adnan bin Abdullah [Ketua Seksyen Audit, Audit Kerajaan Persekutuan, Kerja Raya Bahagian 11, Jabatan Audit Negara]: Okey. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Untuk seterusnya bagi prestasi kewangan, peruntukan asal adalah berjumlah RM77 juta yang mana ini merupakan siling bagi projek ini. Nilai kontrak bagi projek ini RM64 juta yang mana sehingga 31 Disember 2013, jumlah SDK dan PHK berjumlah RM6.36 juta dan nilai kontrak semasa telah meningkat 9.94% kepada RM70.36 juta. Manakala bagi bayaran perunding, RM7.12 juta dan bayaran fasiliti, PBT, kumpulan wang sumbangan modal dan pembetulan berjumlah RM1.06 juta. Sehingga 31 Disember 2013, kos projek telah meningkat kepada RM78.54 juta atau 1.02% berbanding peruntukan asal berjumlah RM77 juta.

Seterusnya, bagi isu yang pertama, kelewatan memasuki bangunan yang telah siap yang mana perakuan siap kerja telah dikeluarkan pada 31 Mei 2013, dan perakuan serahan kerja siap pula telah dibuat pada 5 Jun 2013. Sementara bangunan IPD ini telah siap sepenuhnya, Balai Polis Sentul telah beroperasi sementara di premis yang disewa di Jalan Kasipillay dan penemuan Audit, mengikut perjanjian, tempoh sewaan akan tamat pada 30 Mac 2013. Walau bagaimanapun, disebabkan balai polis tidak dapat digunakan, tempoh sewaan ini telah dilanjutkan sehingga 30 Mac 2014. Jumlah sewa yang dibayar adalah berjumlah RM12,252 sebulan. Oleh sebab bangunan tersebut masih belum diduduki, Balai Polis Sentul masih beroperasi di Jalan Kasipillay dan PDRM terus membayar sewa berjumlah RM73,512 untuk tempoh enam bulan bagi bulan Julai hingga Disember 2013.

Jadi, bagi pendapat Audit, kelewatan menyiapkan projek ini dan kelewatan perpindahan ke bangunan baharu mengakibatkan pihak KDN terpaksa menanggung kos sewaan berjumlah RM73,512 yang dikira dari bulan Julai hingga Disember 2013, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi hendak teruskan ataupun kita baca maklum balas?

Tuan Pengerusi: Boleh baca bukan? Tidak apa. Teruskan lagi.

Encik Md. Adnan bin Abdullah: Untuk isu yang kedua mengenai surat niat yang dikeluarkan kepada kontraktor, tiada bukti yang menunjukkan surat ini dikeluarkan kepada kontraktor. Mengikut Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 2 Julai 2003, bagi memastikan pelaksanaan projek secara rundingan terus tidak mengalami kelewatan, agensi dikehendaki memastikan rundingan dengan kontraktor mengenai skop reka bentuk, harga dan tempoh siap serta lain-lain dimuktamadkan dalam tempoh enam bulan selepas surat niat dikeluarkan bagi nilai projek yang berjumlah melebihi RM10 juta. Tawaran melaksanakan projek ini secara rundingan terus akan terbatal secara automatik jika tempoh tersebut dilangkaui manakala Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 30 Julai 2002 menyatakan, surat niat hendaklah dikeluarkan dalam tempoh satu minggu selepas menerima kelulusan Kementerian Kewangan. Semakan Audit mendapati Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 24 September 2008 telah bersetuju supaya projek ini dilaksanakan secara rundingan terus

dengan Syarikat SAFF Builders Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, tidak ada bukti surat ini dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor. Sehubungan itu pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh masa yang diambil untuk memuktamadkan rundingan harga.

Tuan Pengerusi: Kementerian Kewangan, okey Kementerian Kewangan, kalau dalam hal ini macam mana ya? Kementerian Kewangan keluar surat tetapi JKR tidak keluar surat.

Dr. Uzailee bin Abdul Latif [Ketua Seksyen Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan]: Biasanya Kementerian Kewangan akan mengeluarkan surat kelulusan dan surat ini adalah berdasarkan kontrak pentadbiran. Agensi akan melaksanakan dalamanlah. Kementerian Kewangan akan mengeluarkan surat kelulusan sahaja.

Tuan Pengerusi: Kalau JKR tidak keluar surat maknanya dia punya rantai arahan itu tidak lengkaplah?

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Dalam kes ini, boleh kata tidak lengkaplah. Akan tetapi masalah ini, masalah dalaman. Jadi biasanya kita pun sudah berdasarkan semakan fail, tidak ada bukti. Bukan tidak ada bukti, tidak ada salinan yang dihantar kepada Kementerian Kewangan.

Datuk Wee Jock Seng [Tanjong Piai]: Jadinya tidak ikut peraturan?

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Ini peraturan supaya benda ini ada dia punya turutan. Jadi, apa-apa hal berlaku boleh kita semak balik.

Tuan Pengerusi: Masalah ini juga. Projek ini projek rundingan terus. Itu yang menjadi masalah.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Jadi, siapa yang *in-charge*, JKR atau Kementerian Kewangan, tentang projek ini?

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Projek ini, agensi pelaksana JKR. Jadi, surat ini akan dikeluarkan oleh JKR. Dalam kes ini, Kementerian Kewangan mengeluarkan surat kelulusan sahaja dan sepatutnya kalau mengikut prosedurnya, sepatutnya Surat Niat dikeluarkan untuk menyatakan hasrat kerajaan bahawa kerajaan ingin membina, melaksanakan projek ini. Jadi dengan kes ini, maknanya sudah ada persefahaman antara kontraktor dengan jabatan. Itu sahaja. Sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan di peringkat kementerian.

Tuan Pengerusi: Apa implikasinya kalau Surat Niat tidak keluar, selepas itu rundingan kontrak dibuat dan kontrak dimuktamadkan, kontrak *disigned*? Apa ia punya...?

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Ia tidak ada masalah apa-apa Tuan Pengerusi. Cuma masalahnya daripada segi dokumentasi sahaja. Dalam kes ini, kalau kontraktor difahamkan dan ada pengetahuan, maknanya dia boleh menerima walaupun tanpa surat niat tetapi dalam segi kes dokumentasi maknanya, kalau mengikut Surat Arahan Perbendaharaan, memang kita tekankan supaya surat niat dikeluarkan supaya ada rekod di ...

Tuan Pengerusi: Saya punya pemikiran adalah daripada segi kontrak. Maknanya sebelah kontraktor dengan sebelah kerajaan, kalau Surat Niat tidak ada, adakah nanti daripada segi kerajaan, daripada segi permintaan untuk LAD dan sebagainya itu, kontraktor boleh gunakan- katakan Surat Niat itu sebagai satu sebab *breach of contract*, selepas itu dia tidak bayar. Kerajaan terpaksa bayar juga ataupun daripada segi kontraktor, kalau kontraktor hendak *claim* apa-apa, katakan Surat Niat itu dia hilang kelayakan untuk hendak *claim*.

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Tuan Pengerusi, Surat Niat surat untuk menyatakan hasrat kerajaan dan tidak ada ikatan kontrak di antara kerajaan dengan kontraktor. Cuma ia untuk menyatakan hasrat kalau dua-dua pihak bersetuju, maknanya boleh teruskan di peringkat kementerian. Sebab Surat Niat tidak ada apa-apa ikatan kontrak lagi dan kalau setakat Surat Niat, kerajaan boleh membatalkan sekiranya keadaan mendesak.

Tuan Pengerusi: Adakah berkemungkinan Surat Niat itu tidak dikeluarkan oleh JKR sebab JKR bersetuju dengan Arahan Perbendaharaan untuk hendak beri kontrak ini secara rundingan terus?

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Saya tidak pasti ya... [Ketawa] Akan tetapi rasanya kalau agensi tidak bersetuju, ia boleh menyatakan secara rasmi kepada ...

Tuan Pengerusi: ... Dahulu memang ada lah ia punya surat daripada bomba yang kata tidak setuju tetapi yang ini saya rasa pelik jugalah. Ini kerana hal ini juga akan menjadi satu isu yang PAC kena ambil tindakan jugalah kenapa prosedur itu tidak diikuti.

Tuan William Leong Jee Keen: Selepas itu yang ditanya oleh Tuan Pengerusi, kalau tidak ada Surat Niat, mana kontrak untuk membuat bayaran, untuk mengetahui tentang masa, tempoh dan sebagainya?

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Surat kelulusan. Kementerian Kewangan adalah yang menyatakan bahawa- akan tetapi semasa itu kontrak belum disiapkan lagi. Cuma peringkat awalnya adalah begini. Dalam kes-kes macam ini, Surat Niat dikeluarkan dahulu dan surat itu dinyatakan bahawa akan ada rundingan harga. Sehingga harga rundingan diluluskan, barulah surat setuju terima dikeluarkan sebelum dokumen kontrak rasmi ditandatangani.

Tuan Pengerusi: Boleh teruskan.

Encik Md. Adnan bin Abdullah: Seterusnya bagi isu yang ketiga mengenai perolehan barang ataupun barangan import yang tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Mengikut SPP Bil.7, Tahun 2002, kelulusan MITI hendaklah diperoleh terlebih dahulu sekiranya barangan atau bahan import bernilai RM50,000 hendak digunakan. Manakala perolehan bahan atau barang siap yang diimport yang berada di dalam negara eksport yang bernilai RM50,000 memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu sebelum perolehan bahan atau barangan tersebut dibuat.

■ 1140

Penemuan Audit. Perolehan bagi tiga barangan yang telah diimport dari luar negara berjumlah RM4.21 juta tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Butiran mengenai bahan...

Tuan Pengerusi: Memandangkan wakil MITI tidak ada sini, jadi wakil MoF, apakah komen pasal ini?

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Dalam kes ini memang ada pekeliling dahulunya mengenai barang-barang import, sebab perolehan kerajaan mengutamakan barangan tempatan kecuali dalam kes-kes di mana tidak ada di pasaran atau dibuat di dalam negeri, maknanya bolehlah meminta kebenaran mengimport. Asalnya kebenaran mengimport untuk barangan import ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa, MITI.

Akan tetapi mulai perkembangan terbaru yang mulai 1 Ogos yang lalu, MITI tidak lagi meluluskan atau memproses permohonan-permohonan ini. MITI meminta semua agensi menyemak dengan agensi-agensi di bawah MITI seperti MIDA, SME, semuanya itu. Maknanya boleh menyemak di situ sekiranya barang-barang yang dia hendak ini, hendaklah menyemak dan memohon melalui pegawai pengawal. Dalam kes ini juga, Kementerian Kewangan tidak lagi memproses permohonan ini.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kalau- ini soalan saya, soalan orang tidak pandailah. Benda-benda macam diimport ini, macam cermin fasad, gondola- apa benda gondola ini? Selepas itu lif ini, memang perkara-perkara yang boleh diperoleh di dalam negaralah kan? So kalau kontraktor, dia hendak import barang ini, mungkin atas sebab dia hendak kurangkan kos dia, mungkin barang import ini lebih murah kosnya, adakah itu perkara yang boleh diambil tindakan kepada kementerian?

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Kalau mengikutnya, kita memang menggalakkan barang-barang tempatan tetapi dalam kes ini, agensi lebih tahulah keperluan masing-masing. Jadi kalau sekiranya standard yang diperlukan adalah jauh, kena import- maknanya dalam kes ini, Kementerian Kewangan tidak boleh buat apa-apa. Ia bergantung pada keperluan projek.

Tuan Pengerusi: Jadi memang tidak ada tindakanlah? Peraturan yang sebenarnya tidak boleh ambil tindakanlah?

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Biasanya Kementerian Kewangan menegurlah amalan seperti ini.

Encik Md. Adnan bin Abdullah: Okey, seterusnya bagi isu yang keempat mengenai pagar keselamatan yang tidak dibina di hadapan balai polis, di mana pembinaan pagar keselamatan tidak merangkumi keseluruhan kawasan kompleks di mana pagar keselamatan tidak dibina di hadapan balai.

Tuan Pengerusi: Masih lagi belum dibina ya? Pagar ini dalam kontrak asal ada syaratnya?

Encik Md. Adnan bin Abdullah: Tiada, sebab kalau ikutkan ia punya konsep asal yang disarankan, *open concept*.

Tuan Pengerusi: Dekat depan balai sahajalah, di belakang masih di pagar?

Encik Md. Adnan bin Abdullah: Masih lagilah.

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Md. Adnan bin Abdullah: Seterusnya bagi kualiti pembinaan. Reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai di mana tangga aras satu Bangunan Pentadbiran, tiada kemasannya jenis *non slip nosing tiles* dipasang bagi mengelakkan tangga menjadi licin. Ini memandangkan kawasan tersebut terdedah kepada air hujan.

Seterusnya kedudukan bilik air yang tidak sesuai di kesemua tandas di Bangunan Pentadbiran IPD Sentul.

Seterusnya tempat mengambil wuduk Bangunan Pentadbiran. Tempat mengambil wuduk tidak mempunyai bebendul dan ini boleh menyebabkan air mengalir ke kawasan yang berhampiran.

Tandas dan bilik mandi wanita aras tiga Bangunan Pentadbiran. Ketinggian pemasangan tingkap yang tidak sesuai akan menjejaskan keselesaan kepada pengguna wanita di mana ketinggian antara lantai dengan tingkap hanya 1,200 milimeter sahaja. Ini di bahagian dalam dan ini adalah di bahagian luar, Tuan Pengerusi... [Merujuk kepada paparan slaid]

Tuan Pengerusi: Gambar itu *flip* sahajalah. Gambar itu cepat sahajalah. Kita tidak payah tengok.

Encik Md. Adnan bin Abdullah: Ini tandas lelaki... [Merujuk kepada slaid pembentangan] Ia *open*, tidak ada...

Tuan Pengerusi: Ini semua isu kecilah. *Flip* lagi.

Encik Md. Adnan bin Abdullah: Seterusnya reka bentuk yang- ini mengenai *roof insulation* jenis *aluminum foil* tidak perlu dipasang di tempat kenderaan yang berbumbung. Ini *open concept*, sepatutnya tidak dipasangnya.

Maklum balas JKR- pihak kontraktor telah mengikut spesifikasi dan lukisan pembinaan daripada pihak arkitek.

Ini kualiti pembinaan yang tidak memuaskan tetapi tindakan pun telah diambil oleh JKR selepas dapat teguran daripada Audit... [Merujuk kepada paparan slaid] Ini kualiti pembinaan yang tidak memuaskan. Ia dalam proses pembaikan semasa dalam proses *defect liability period*.

Tempat letak kereta. Lepaan yang tidak sempurna pada permukaan lantai. Kesan lelehan pada permukaan dinding menyebabkan kulat terbentuk.

Keretakan pada permukaan lantai bumbung konkrit rata di aras bumbung Bangunan Pentadbiran.

Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Syor Audit.

Encik Md. Adnan bin Abdullah: Syor Audit- JKR perlu memastikan kontraktor mematuhi peraturan mengenai penggunaan bahan atau barangan import. JKR perlu memastikan semua kecacatan kerja diperbaiki oleh kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan. KDN perlu memastikan tahap keselamatan balai polis dengan menyediakan pagar keselamatan selaras dengan Arahan Keselamatan Kerajaan. JKR hendaklah memastikan pemantauan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan kualiti kerja yang rendah. Selain itu, JKR juga hendaklah memantau kerja-kerja perunding bagi memastikan perunding menjalankan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan.

Tuan Pengerusi: Dari segi *design* dia orang tidak ada komen?

Encik Md. Adnan bin Abdullah: *Design so far* untuk itu tidak ada komenlah tapi *find out* kita masa yang tadilah yang saya kata tidak sesuai.

Tuan Pengerusi: Tak. Pasal tadi *design-design* yang kata tingkap rendah sangatlah apa semua itu...

Encik Md. Adnan bin Abdullah: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: JKR kata ikut *spec*?

Encik Md. Adnan bin Abdullah: Ikut *spec*.

Tuan Pengerusi: Okey, itu satu perkara yang kita boleh tumpukan sebagai Jawatankuasa, kalau itulah *spec* hendak buat balai polislahkan. Dia kata sesuai, JKR... [Ketawa]

Okey, tidak ada apa lagi? Okey jawatankuasa tidak ada apa-apa ulasan lagi ya? Jikalau tidak ada apa-apa, kita boleh panggil wakil daripada kementerian.

[Saksi-saksi dari Kementerian Dalam Negeri mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

■ 1150

Tuan Pengerusi: Okey, boleh kita mula? Saya ucapkan selamat pagi dan selamat datang kembali kepada Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri pada hari ini dan juga pasukan daripada kementerian ya.

Saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada wakil daripada JKR juga pada hari ini.

Tujuan kita pada hari ini Dato' Sri adalah untuk mendapat penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri mengenai projek pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul yang telah di *highlight* dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri Kedua tahun 2013.

Isu yang timbul mengenai pembinaan IPD Sentul ini isu mengenai kelambatan untuk menyiapkan IPD ini sendiri. Ia juga berkenaan dengan isu *design* balai polis itu dan ia juga berkenaan dengan isu kualiti pembinaan yang telah dilaksanakan oleh kontraktor ya.

Saya juga ingin maklumkan kepada Dato', kami di PAC juga- *we are very concern* ya mengenai isu ini kerana isu keselesaan pegawai polis dalam *environment* kerjanya juga amat penting. Kita tak nak anggota polis kita disusahkanlah dengan pembinaan-pembinaan balai polis yang tidak selesa.

Baru-baru ini juga kerajaan telah mengumumkan dalam Bajet 2015 bahawa kerajaan akan memperuntukkan wang peruntukan lebih lagi untuk membina kuarters untuk polis juga, yang saya rasa amat penting juga dalam kita memastikan bahawa wang tersebut dibelanjakan dengan sebaik-baik mungkin ya. Jadi, saya rasa Dato' dah biasa dengan cara kita di PAC. Kalau Dato' selesa hendak memberikan keterangan, buka *mic*. Kalau ada perkara yang perlu disebut *off mic*, Dato' tak payah buka *mic*lah. Jadi, kalau ada perkara-perkara yang ini, yang sensitif, jadi tanpa melengahkan masa lagi, saya rasa Dato' kalau boleh Dato' memperkenalkan pasukan Dato' pada hari ini dan seterusnya memberikan penjelasanlah mengenai isu ini. Terima kasih.

11.52 pg.

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff [Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; juga kepada Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Datuk Madius bin Tangau; Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah; Yang Berhormat Datuk Wee Jeck Seng; Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen; dan juga Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Jaffar, serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada pagi inilah.

Jadi kehadiran kami adalah untuk memberi penjelasan di atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2/2013 yang menyentuh mengenai pembinaan IPD Sentul Kuala Lumpur.

Jadi, untuk itu bersama saya ialah Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Yang Berbahagia Datuk Ir. Hj Adanan bin Mohd Hussain dan juga Pengarah Jabatan Logistik PDRM Yang Berbahagia C.P. Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah; dan juga pegawai-pegawai daripada Kementerian Dalam Negeri dan JKR, termasuk Pengarah Cawangan Kerja Keselamatan JKR, Tuan Ir. Tan Tiong Ben.

Jadi menyentuh kepada Laporan Ketua Audit Negara yang telah pun dibentangkan, kita mengakui terdapatnya kelemahan dalam pelaksanaan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu dari segi lewat, dari segi *design* dan kualiti pembinaan. Jadi dalam perkara ini walaupun peringkat awal terdapat kelewatan hampir 484 hari, IPD ini juga dapat disiapkan dan beroperasi bagi kegunaan untuk PDRM.

Kita juga selaku Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, terima kasih atas keprihatinan PAC ini untuk memastikan keselesaan pegawai-pegawai polis terutama mereka yang dari segi pejabat dan juga perumahan.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk taklimat saya pada pagi ini adalah seperti berikut. Pertama ialah maklumat projek. Daripada segi maklumat projek, sebagaimana kita sedia maklum iaitu dijalankan secara konvensional perunding. Dalam hal ini JKR Wilayah Persekutuan pihak yang bertanggungjawab untuk pelaksanaan di mana projek siling asal adalah RM78 juta dan seterusnya siling yang terbaru ialah RM83.6 juta. Ia dibuat secara PFI dan kontrak asal semasa ia di dalam tangan ialah RM64 juta dan kemudian meningkat kepada RM70.34 juta iaitu sebagaimana yang kita sedia maklum, dalam peringkat pelaksanaan, terdapat kerja-kerja tambahan dan faktor-faktor lain yang telah pun memberikan kesan kepada kos kontrak berkenaan. Kontraktor ialah SAFF Builders Sdn. Bhd. dan arkitek Ridzuwan Zaihan Associates Sdn. Bhd. Daripada segi *civil structure*, Pakatan Runding Yusoff begitu juga mekanikal, *electrical* dan ukur bahan.

Jadi dari segi projek ini telah pun masuk tapak maknanya telah pun memulakan pada 15 Mei 2010, dan jangkaan siap pada peringkat awal ialah 3 Februari 2012. Bagaimanapun, tarikh siap sebenar CPC keluar ialah pada 31 Mei 2013 yang melibatkan empat lanjutan masa iaitu:

- EOT pertama sehingga 23 April 2013;
- EOT kedua 30 Oktober 2013;
- EOT ketiga 28 Februari 2013; dan
- EOT keempat pada 31 Mei 2013.

Jadi ini ringkasan Carta Aliran Proses- Projek Pembinaan IPD Sentul Yang Berhormat Tuan Pengerusi iaitu bermula dengan kita mendapat kelulusan daripada MoF... *[Merujuk kepada paparan slaid]*

Seterusnya kita mengarahkan JKR sebagai agensi pelaksana dan dalam peringkat perundingan, dan seterusnya bermulanyalah projek-projek pembinaan itu dibuat dan juga tempoh EOT dan siap pada 31 Mei 2013. Ini berdasarkan daripada Laporan Audit Negara, kita mendapati ada lapan yang dibangkitkan iaitu:

- (i) kelewatan penyediaan projek dari tarikh siap sebenar;
- (ii) jumlah kos projek melebihi peruntukan diluluskan;
- (iii) kelewatan menduduki Bangunan IPD Sentul yang baru;
- (iv) tiada surat-menyurat dikeluarkan bagi pelantikan kontrak secara rundingan terus;
- (v) perolehan bahan atau barang import tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan;
- (vi) pagar keselamatan tidak dibina di hadapan balai polis;

- (vii) reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai dan kualiti kerja pembinaan yang tidak memuaskan; dan
- (viii) pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak JKR terhadap perunding.

Jadi dalam membuat tindakan susulan, pertama kita membuat pembetulan berdasarkan teguran-teguran yang telah pun dibangkitkan daripada Laporan Ketua Audit Negara, dan juga langkah-langkah pencegahan bagi memastikan projek ini projek yang dilaksanakan, menepati dan mencapai objektif untuk memberi keselesaan kepada anggota-anggota PDRM. Jadi yang ini kita bangkitkan tadi iaitu kelewatan penyediaan projek daripada tarikh siap sebenar.

■ 1200

Untuk makluman Yang Berhormat, dan ahli-ahli mesyuarat semua, sebelum kontraktor melaksanakan kerja-kerja atau dilantik, sebenarnya kita ada buat kajian-kajian *soil investigation* atau SI, di mana pada masa kajian dibuat itu, daripada lima tempat- tiga ditemui *granite* gred dua di mana untuk *granite* adalah *fractured granite* dan ini termasuk kerja-kerja yang boleh dijalankan.

Seterusnya, apabila kontraktor membuat *borings* keseluruhan, didapati ada *granite* 'A' yang ditemui oleh pihak kontraktor. Jadi dengan penemuan ini dan keputusan SI yang dibuat, telah menyebabkan kejuruteraan ataupun *drawing* yang berkenaan terpaksa berlaku pindaan berdasarkan kajian atau hasil SI yang dibuat. Ini telah pun menimbulkan kesan ke tempoh projek ini dilaksanakan di mana kalau ikut Laporan Ketua Audit Negara melibatkan sebanyak 80 hari.

Seterusnya, daripada segi lanjutan EOT kedua, ia adalah disebabkan oleh kelewatan perunding elektrik mengemukakan *construction drawing* di mana pihak JKR mengakui bahawa perunding mempunyai kekangan masa menyediakan lukisan pembinaan sebelum perolehan rundingan terus dilaksanakan. EOT kali kedua juga melibatkan tempoh masa yang lama kerana pihak perunding sivil dan struktur telah mengarahkan kontraktor untuk menyediakan pengadang, *sheet pile* bagi kerja-kerja pengorekan atas sebab keselamatan. Perunding juga mengarahkan tanah yang lembut kerana bercampur dengan sampah digantikan dengan tanah merah yang diimport untuk kerja pepadatan.

Seterusnya, EOT ketiga pula adalah berlaku disebabkan keperluan tambahan seperti CCTV, bilik soal siasat, dan bilik pemerhati daripada PDRM yang perlu dilaksanakan atas faktor keselamatan. Bagi langkah penambahbaikan, di sinilah kita akan melihat untuk pada masa akan datang.

Seterusnya pelanjutan masa EOT yang keempat disebabkan kerja pemasangan kabel. Ini melibatkan utiliti atau kabel TNB ke pencawang elektrik yang telah siap. Ia mengambil masa kerana pihak TNB terpaksa mematuhi syarat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang meminta kerja pemasangan kabel secara *horizontal direct drilling*. Sepertimana yang kita sedia maklum, IPD Sentul

terletak dalam kawasan bandar dan kerja-kerja pengorekan terbuka adalah tertakluk kepada kebenaran oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Jadi ini sebab-sebab berlakunya kelewatan iaitu yang pertama tadi memang bila perubahan *drawing* dilakukan, pihak JKR mengambil masa untuk melihat balik *drawing* yang berkaitan. Itu isu yang pertamanya, Yang Berhormat.

Isu yang kedua adalah berkaitan dengan jumlah kos projek melebihi peruntukan yang diluluskan. Daripada segi kos projek seperti mana yang dilaporkan peringkat awal RM64 juta dan seterusnya telah meningkat dalam pelaksanaan itu berjalan di mana penjelasan kami ialah siling asal projek ini adalah RM78 juta. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara, RM77 juta tetapi kita dapat RM1 juta lagi untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan iaitu CCTV dan juga *furniture*. Jadi kita katakan di sini RM78 juta.

Untuk maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua iaitu siling asal kontrak, siling yang kita peroleh daripada projek ini ialah RM45,609 juta, selepas itu pada bulan April RM70.6 juta iaitu tambahan nilai kos projek berdasarkan skop asal dan seterusnya pada Jun 2009, RM75.8 juta, perubahan kepada keperluan yang saya nyatakan iaitu PDRM, dan Mac 2010, nilai kontrak dan perubahan-perubahan yang dilakukan. Pada Ogos 2014, kita dapat keseluruhan siling bagi projek ini RM83.6 juta di mana dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit ini mengatakan bahawa kita melebihi daripada siling projek ini...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi daripada projek, siling asal memang lebihlah.

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Ya.

Tuan Pengerusi: Cuma Kementerian Kewangan luluskan tambahannya.

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Tambahan telah diluluskan.

Tuan Pengerusi: Kementerian Kewangan yang naikkan siling inilah?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Ya.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi yang asal memang lebihlah, ya?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Ini kerana dalam projek berjalan itu, oleh sebab kita memohon tambahan dan berdasarkan pada- berbalik kepada asal tadi. Sebab, dalam kita lihat Yang Berhormat, pertambahan- ini *detail* pertambahan kos projek tadi... [Merujuk kepada paparan *slaid*] Pertama, daripada segi bayar perunding oleh sebab ini melibatkan konsultan, pelaksanaan projek ini. Dan bayaran duti-duti oleh JKR, dan juga sumbangan kita kepada *conservation based* yang diminta oleh JKR Wilayah. *This is* yang meningkatkan kos dari segi projek ini.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi memang kos ini termasuk dalam bajet asallah, kos-kos penilaian seperti ini?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Ya, setelah...

Tuan Pengerusi: Memang masuklah, bukan?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Maknanya sekarang ini daripada segi siling, memang tidak ada isu sebab sudah diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk membuat pembayaran berdasarkan siling yang barulah.

Tuan Pengerusi: Maksud saya tadi, kos-kos yang macam kontraktor perunding, utiliti, dan semua ini, memang masuk dalam bajet kos asallah pembinaan?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Ya, masuk.

Tuan Pengerusi: Masuk, ya. Akan tetapi sekarang ini kerana kos pembinaan itu sendiri sudah meningkat, tambah lagi dengan kos ini, maka keseluruhan meningkat dan selepas itu Kementerian Dalam Negeri minta tambahan daripada Kementerian Kewangan...

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Ya, untuk RM83.6 juta. Okey, *next*.

Ini yang menjadikan keseluruhan tapak- maknanya *Malaysian of price* di mana dalam satu-satu kontrak pembangunan Yang Berhormat, memang menetapkan *Malaysian of price* diberi kepada kontraktor untuk membuat tuntutan kepada kerajaan. Yuran perunding... Inilah yang meningkatkan kos keseluruhan projek inilah. Kita pun telah mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan dari segi siling berkenaan pada 19 Ogos 2014.

Tuan Pengerusi: Hendak tanya sedikit. Tambahan siling iaitu tambahan peruntukan daripada Kementerian Kewangan ini, adakah ia masuk dalam bajet tahunan ataupun ia merupakan *Supplementary Budget*? Bajet luar jangka ini.

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Tidak. Untuk makluman Yang Berhormat dan ahli mesyuarat, projek ini adalah di bawah *Private Finance Initiative* (PFI) di bawah Kementerian Kewangan.

Dalam kita melaksanakan pembangunan ini, kita dapat satu sumber daripada EPU iaitu yang *development* biasa yang dibentangkan dalam bajet kewangan kerajaan. Untuk ini adalah di bawah Kementerian Kewangan di mana ia mungkin pinjaman daripada KWSP untuk membiayai projek-projek PFI ini. Waran diberi kepada kementerian untuk melaksanakan projek itu.

Tuan Pengerusi: Ini yang dipanggil *infrastructure fund* yang 10% itu? Bukan?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Bukan, bukan.

Tuan Pengerusi: Ini memang PFI... Dia beri berapa *percent* daripada jumlah kos pembinaan itu?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Tidak. Makna projek ini, *the total* projek adalah dibiayai oleh peruntukan PFI yang disediakan oleh Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi yang dikeluarkan ialah EPU?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Kementerian Kewangan sendiri.

Tuan Pengerusi: Kementerian Kewangan sendiri.

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Ya. EPU lain. EPU di bawah *development* untuk projek-projek biasa. Untuk ini, ada kerajaan dulu melaksanakan PFI untuk projek-projek selain daripada dibiayai peruntukan DE, juga peruntukan melalui *partnership* dengan *private*.

Tuan Pengerusi: Itu saya tidak faham kadang-kadang. PFI ini sepatutnya adalah di... Ini yang saya faham. Saya tidak tahu kawan-kawan saya yang lain faham bagaimana. Akan tetapi, PFI ini kita fahamkan bahawa adalah projek yang dibiayai oleh swasta. Akan tetapi sekarang ini bila Dato' Sri terangkan itu, macam kerajaan yang biayai projek ini.

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Makna sekarang ini, Kementerian Kewangan mendapat peruntukan *finance by* mungkin daripada KWSP dan ia menyalurkan kepada kementerian-kementerian. Kita mendapat projek PFI ini banyak juga, dekat 85%.

■ 1210

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, maknanya selepas itu kerajaan perlu bayar balik EPF?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Yes.

Tuan Pengerusi: Macam mana PFI...

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Maknanya ia lain dengan projek yang dibuat oleh *finance by private sector*, itu akan melalui UKAS Yang Berhormat, tetapi yang ini tidak. Kementerian Kewangan dengan KWSP dan peruntukan wang itu diberikan kepada kita untuk melaksanakan projek-projek yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Pada hari ini kita belajar perkara baru. Saya ingat macam PFI melalui UKAS itu yang ada sebahagian yang dibiayai oleh kerajaan tetapi yang *balance* itu dibiayai oleh pihak swasta.

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Tidak ada. Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Sekarang ini ada PFI yang lain pula, Kementerian Kewangan sebenarnya dapatkan sumber daripada EPF tetapi dipanggil PFI untuk hendak membiayai projek-projek...

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Pembangunan kerajaan.

Tuan Pengerusi: Kerajaan macam ini dan kerajaan perlu bayar balik EPF selepas itu.

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Itu Kementerian Kewangan yang berurusan dengan yang *finance*...

Tuan Pengerusi: Okey. Kementerian Kewangan boleh beri kita penjelasan sedikit tidak?...

[Ketawa]

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Saya rasa Yang Berbahagia Dato' KSU sudah menjelaskan. Lebih kurang begitu konsepnya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Apa beza dengan pinjaman... ?

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Ya lah, menggunakan *soft loan*. Maknanya pinjaman kemudahan sementara jangka panjang, jangka pendek untuk membiayai projek-projek yang tidak disenaraikan di bawah senarai projek pembangunan.

Tuan Pengerusi: Adakah pinjaman seperti ini daripada EPF, daripada kerajaan ini direkodkan dalam hutang kerajaan?

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Minta maaf Tuan Pengerusi, sebab yang ini diuruskan oleh Pejabat Belanjawan Nasional. Jadi saya pun tidak boleh hendak komen panjanglah, takut saya bercanggah pendapat. Saya dari Bahagian Perolehan Kerajaan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ini bukan pendapat, ini fakta. Adakah ia dicatatkan sebagai pinjaman dan ada dalam senarai jumlah pinjaman ataupun ia tidak dicatatkan sebagai pinjaman-bagaimana statusnya?

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Ini saya perlukan kepastian sebab ini diuruskan oleh Pejabat Belanjawan Nasional. Saya perlu berhati-hati.

Tuan Pengerusi: Tidak mengapalah. Ini kita simpan sebagai soalan tambahan kita nantilah bahawa ada juga perbelanjaan PFI ini yang sebenarnya pinjaman daripada EPF yang belum lagi kita tahu cara kerajaan menguruskannya, sama ada dia adalah merupakan pinjaman ataupun ia merupakan pembiayaan daripada swasta.

Datuk Wee Jeck Seng: Satu lagi Dato', siling asas itu RM78 juta tetapi tambah RM36 juta. Biasa kerajaan ada tidak had bagaimana syiling itu, dan bagaimana buat tambahan itu, kos tambahan pembinaan itu, ada tidak menetapkan peratusannya?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Kos yang RM78 juta, *this is* yang saya nyatakan tadi. Satu adalah *variation of price* untuk *mechanical, electrical*, bangunan, yuran perunding yang melibatkan RM5.08 juta. Jadi menjadikan total sekarang RM83.6 juta dan kebanyakan itu adalah yuran-yuran perunding yang perlu kita bayar apabila pihak JKR melantik konsultan untuk melaksanakan projek ini Yang Berhormat. Untuk APK kerja-kerja tambahan, tidaklah. Cuma kalau ikut laporan audit dalam RM2 juta lebih. Akan tetapi yang lain itu memang tidak diambil dalam kos asal, jadi kita tidak tahu berapa jumlah. Inilah yang kita minta untuk pihak kementerian meluluskan RM5.08 juta.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Pengerusi, hendak tanya jumlah kos ini, bayaran perunding RM6.141 juta dengan yuran perunding di bawahnya lagi. Ini perunding mana lagi ini? Itu yang kita hendak tahu, apa perbezaan? Sebab ada tambahan lagi RM1.7 juta. Yuran perunding ini dengan bayaran perundingan di atas.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Limbang ini bekas orang JKR, jadi dia tahu... [Ketawa]

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Okey. Saya minta Ir. Tan untuk beri penjelasan, daripada JKR.

Tuan Ir. Tan Tiong Ben [Pengarah Cawangan Kerja Keselamatan, Jabatan Kerja Raya]: Ahli-ahli Yang Berhormat, tambahan kos perunding ini kebanyakan disebabkan oleh apabila *you* beri lanjutan masa, tempoh perjalanan projek ditambah. Jadi, tempoh pelantikan konsultan ditambah masa. Jadi, kita perlu bayar gaji perunding-perunding yang dilantik. Itulah faktor utama kenaikan kos perunding ini.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *So you means this project is supervise by the consultant?*

Tuan Ir. Tan Tiong Ben: *Supervise by consultant.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *So you are paying all these supervision fees, everything. Okay.*

Tuan Pengerusi: Balik semula kepada soalan saya tadi mengenai bajet tambahan ini. Jadi maknanya dalam bajet negara kita, adakah tambahan ini merupakan sebahagian daripada bajet tahun berapa ini? Saya tidak tahu sama ada tambahan bajet ini adalah bajet- bagaimana cara kementerian menguruskan tambahan bajet ini?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Kebiasaan yang saya difahamkan Yang Berhormat, pihak Kementerian Kewangan telah menetapkan bajet PFI untuk semua kementerian. Jadi dalam pelaksanaan tadi, terdapat kementerian-kementerian, sesetengah projek itu dibatalkan. Jadi, diambil dari situ untuk menampung mana-mana projek di kementerian lain yang memerlukan tambahan. Saya dimaklumkan tidak ada peruntukan tambahan bila PFI ini buat pinjaman daripada KWSP. Maknanya daripada total PFI keseluruhan kementerian yang disediakan oleh Kementerian Kewangan, diambil dari situ.

Tuan Pengerusi: Jadi bajet tahun beberapa sebab projek ini ambil banyak tahun. Jadi dari tahun 2009 sampai sekarang ini tahun 2014, tambahan bajet yang diminta ini bajet tahun mana- tahun 2015-kah, tahun 2014?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Tuan Pengerusi, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Actually yang kita minta di sini Yang Berhormat, adalah siling projek, *the whole project*, berapa kosnya. *It is a different from the yearly expenditure.* *Yearly* mungkin kita bajet untuk tahun hadapan *how much* kita perlukan, kita minta dan kerajaan akan luluskan *certain amount* yang kita perlukan.

Misal kata tidak cukup, *probably* kita akan minta lagilah. Itu mungkin perlu *supplementary* dan sebagainya. Akan tetapi *where as* kita cakap tentang *total cost of the project*. Ia akan berlarutan mungkin tiga tahun atau empat tahun. *So for each year* itu kita perlu tentukan berapa sebenarnya yang kita perlukan.

Tuan Pengerusi: So maknanya permohonan bajet itu diminta untuk *staggered* tetapi *over few years*?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ya.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi masuk sebagai bajet item dalam bajet kitalah?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Untuk PFI.

Tuan Pengerusi: *Under PFI* tetapi bukan bawah kementerian?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Bawah kementerian.

Tuan Pengerusi: Bawah kementerian, tetapi bukan bawah *supplementary budget*lah?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Bukan pembangunan biasa.

Tuan Pengerusi: Bukan pembangunan biasa ya. Wakil MoF, betulkah cara ini? Oleh sebab itu *you* diminta hadir pada prosiding kita... *[Ketawa]*

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: Cara ini dengan perbelanjaan EA yang biasa, ia agak berlainan sedikit Tuan Pengerusi. Jadi saya pun minta maaf, saya tidak detil sangat benda ini.

Tuan Pengerusi: Mesyuarat akan datang *you* perlu *detail*.

Dr. Uzailee bin Abdul Latif: *Insyallah*.

Tuan Pengerusi: Tidak bukan, sebab kita pun *confused* daripada segi bajet yang *staggered* ini. Selepas itu kalau ada apa-apa permintaan tambahan dan sebagainya, bagaimanakah perkara tersebut diuruskan dalam bajet. Sekarang ini sudah tambah satu lagi isu PFI pula. Jadi, dia sudah bertindih-tindih isunya.

Tuan Ir. Tan Tiong Ben: Yang Berhormat, penambahan kos ini dibiayai oleh penjimatan dari bajet yang lain yang dilaksanakan pada masa yang sama. Akan tetapi kita ada penjimatan di projek-projek lain di mana penjimatan ini ditarik untuk projek ini.

Tuan Pengerusi: Bawah kementerian lain.

Tuan Ir. Tan Tiong Ben: KDN juga.

Tuan Pengerusi: Tidak. Daripada segi kod akaun hanya penjimatan daripada projek-projek dalam kementerian yang sama sahaja dibenarkan *offset*. Penjimatan daripada kementerian lain tidak boleh ditarik untuk hendak *offset*.

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Boleh.

Tuan Pengerusi: Boleh pula. Akan tetapi tahun berapa perkara ini direkodkan? Itu yang saya hendak cuba *reconcile* ini sebab projek ini dia banyak tahun.

Tuan Ir. Tan Tiong Ben: Untuk kes ini, penambahan kos ini dibiayai oleh penjimatan daripada projek-projek Kementerian Dalam Negeri juga. Untuk kes ini.

Tuan Pengerusi: Kes inilah. Tidak, sebab saya tanya ini kenapa, senang sahaja, *accrual accounting*. Bawah *cash accounting*, *you* boleh lagi bagi alasan begini, tetapi bawah *accrual accounting*, tidak boleh bagi. *You* kena tetapkan bila perbelanjaan itu dibelanjakan, dan *you* kena

attach the expenditure to the actual period. You tidak boleh lagi hendak *push, push* pada *period* yang lain. Juga, kalau bajet daripada kementerian lain, penjimatan digunakan untuk hendak *top up* kekurangan di sini, itu pun kena dinyatakan dengan jelas.

■ 1220

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Nak tanya Tuan Pengerusi, adakah yang disebut itu bahawa, kerana ada penjimatan maka pertambahan belanja di sini ini diambil daripada penjimatan, *is that a rationalization* untuk membolehkan ia ditambah ataupun ia adalah suatu dasar yang kita ada? Bermakna, jika dalam projek lain tidak ada penjimatan, maka kita tidak akan buat penambahan di sini? Sudah dikata boleh belanjalah sebab ada penjimatan tetapi kalau yang kos lain tiada penjimatan, so makna tidak boleh teruskanlah projek ini?

Ir. Tan Tiong Ben: Yang Berhormat, penambahan ini merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan. Bukan oleh sebab ada penjimatan baru kita belanja, bukan. Ini oleh sebab perkara yang tidak dapat dielakkan. *That's means* perbelanjaan yang diperlukan perkara tambahan yang tidak dapat dielakkan. Oleh sebab tambahan masa projek yang dilalui, kita terpaksa melantik konsultant untuk terus menyelia projek berkenaan. Jadi ia mengakibatkan pertambahan kos.

Tuan Pengerusi: Satu lagi isu yang saya boleh bawa adalah begini. Bajet siling itu berdasarkan kepada jangkaan asal tetapi jangkaan asal itu mungkin dibuat dengan tidak, *it is not effective ceiling. It can be the lower* tetapi *usually you beat up, you* tambah lagi supaya hendak ambil kira kos-kos luar jangka. Jadi penjimatan yang *you* sebut itu penjimatan daripada siling projekkah atau penjimatan daripada kos sebenar projek tersebut? *You* faham tidak?

Ir. Tan Tiong Ben: Di sini kita sebut siling, setakat ini.

Tuan Pengerusi: *You* pakai silinglah. Penjimatan itu daripada siling tetapi sebenarnya itu bukan penjimatan sebenarnya. Pasal apa, siling *you* boleh letak *upper*, tinggi, untuk mengambil kira kos-kos yang luar jangka. So, kalau selepas itu kos yang sebenar pelaksanaan projek ini adalah rendah daripada siling itu, itu sebenarnya untuk saya, bukan satu penjimatan dan boleh dihalusi lagi. Dalam syarikat selalunya kita beri *contingency fund* 5% sahaja. Siling yang kementerian guna ini selalunya mungkin adalah melebihi 5% kah, 10% kah, 15% kah.

Ir. Tan Tiong Ben: Sekarang *Treasury* tidak beri *contingency* pun. Tidak beri *contingency* pun. Apabila kita anggarkan kos projek, kita letakkan 5% *contingency*, *Treasury* tidak beri.

Tuan Pengerusi: *I know but the question is, how you actually estimate your ceiling cost? Is it from BOQ process* kah, *or is it from...? [Disampuk]* *Because, to me, this is a normal project. It is only a normal construction project. It should be very simple. The cost can be estimated quite close to the actual cost.*

Puan Kamariah binti Mohd Noah [Setiausaha Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri]: Ahli Yang Berhormat, yang VOP itu, *variation of price*, harga yang dikeluarkan oleh

pihak *Treasury*. So bagi pihak kontraktor ini, dia beruntung kerana harga naik, so dia dapat harga barang yang naik. Ada kontraktor dia *minus VOP*. Makna, dia akan turunlah. Jadi pada harga barang tinggi itu, maknanya kita kena bayar harga barang ikut harga semasa. Ini mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh *Treasury*. So, itu yang JKR kata, perkara yang tidak dapat dielakkan.

Tuan Pengerusi: So, harga yang ditetapkan oleh *Treasury* ini tinggi lagi selalunya atau rendah lagi daripada JKR punya?

Puan Kamariah binti Mohd Noah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: ...Memang itu dibenarkan dalam kontrak yang kita tandatangani oleh pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi: Saya tahu. Masalahnya kontrak ini Dato', kontrak ini rundingan terus. Jadi, kita tidak ada *comparison*. Kalau tender, kita ada *comparison* juga. Maknanya *tender price* itu jadi...

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Masa dia masuk itu.

Tuan Pengerusi: Ya, jadi pengukur juga. Ini dia runding terus, selepas itu VOP dia tinggi. Jadi, itu juga satu perkara yang kita anggap sebagai pembaziran jugalah kenapa dia tetapkan VOP tinggi dan ditambah lagi selepas itu. Projek ini *burst the budget* lagi, melebihi daripada siling asal. Jadi ini juga merupakan perkara yang kita pandang berat jugalah di PAC. Sudahlah diberikan elaun secukupnya...

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: VOP...

Tuan Pengerusi: Ya, kepada kos asal, selepas itu ditambah lagi dengan permohonan bajet tambahan. Jadi dua kali kontraktor ini dapat kelebihan.

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Okey Yang Berhormat. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, pihak EPU sebenarnya telah pun mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai, *value management* atau VM- projek ini memang tidak ada *value management* yang dikeluarkan pada 29 Disember 2009. Jadi, sekarang ini projek-projek memang melalui *value management* dan di sinilah kita dengan adanya garis panduan ini dapat menentukan kos projek supaya tidak ada isu-isu macam tertinggal skop dan sebagainya dapat dibincangkan di peringkat awal. Di sini langkah-langkah yang telah pun diperkenalkan oleh EPU, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *Value management* ini pun menarik juga pasal dalam prosiding kita yang lepas mengenai insinerator pun isu yang sama timbul. Pada pelaksanaan projek insinerator sebelum ini tidak ada *value management*, tapi akan datang ada *value management*.

Cuma soalan yang kita tanya pada EPU, wakil EPU yang ada dalam PAC ini, kita tanya sama ada *value management* ini hanya sebagai satu alasan sahaja atau betul-betul EPU akan memainkan peranan untuk hendak menyelaraskan kos ataupun *spec* projek di bawah *value management* punya proses ini. Wakil EPU ada?

Encik Ahmad bin Ali [Timbalan Pengarah Unit Perancang Ekonomi]: *Assalamualaikum*, Tuan Pengerusi. Saya, Ahmad Ali, daripada EPU.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, tentang proses membuat VM ini berdasarkan- ia ada garis panduan. *Whatever* projek yang melebihi *RM50 million and above need to* buat VM lah ataupun sekiranya *end user* ataupun kementerian yang hendak, walaupun kurang daripada RM50 juta, *end user* boleh mohon untuk buat nilaikan projek itu. Garis panduan memang berdasarkan RM50 juta tetapi sesetengah projek itu, walaupun *below* daripada *RM50 million*, kementerian digalakkan untuk *justify the cost based on the scope* yang disediakan oleh *end user*.

Bila kita buat bengkel ini, kos itu berdasarkan kepada skop yang di *prepared by end user* yang masa kita buat bengkel. Masa bengkel itu, ahli-ahli daripada JKR, dia akan ada *end user* dia, selepas itu pihak EPU, daripada *team UVM* yang daripada dia punya disiplinlah, *engineer* ada, QS pun ada. *Based on that scope which prepared by* kementerian, daripada situlah kita dapat harga yang dianggarkan. *Not the exact figure* tetapi dibolehkan untuk dijadikan sebagai garis panduan untuk menentukan jika ditender balik, atau itulah- bukan asas kepada untuk menentukan kos sebenar. Bukan *the exact figure*lah. Memang susah, Tuan Pengerusi. Akan tetapi semasa kita buat *lab* itu, tidak ada *design*, reka bentuk tidak ada. *Just based on SOA*.

Tuan Pengerusi: Maknanya peranan jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh EPU lah, saya *presumed*.

Encik Ahmad bin Ali: Ya, saya di bawah seksyen VM...

Tuan Pengerusi: Jadi, kerja dia untuk hendak buat satu *framework*, satu *template*...

Encik Ahmad bin Ali: *Justify the cost* dengan skop yang boleh *functional*. Bukannya kita potong *the cost*, Tuan Pengerusi. Bila skop *prepared by* kementerian ataupun *end user* itu, kita hendak pastikan- macam polis, kita nak buat IPD polis, biar kita buat skop itu boleh polis beroperasi. Bukan kita suka-suka hendak potongkan skop kos itu, tapi *make sure* skop itu boleh beroperasi. Mesti ada lokap, ada sel...

Tuan Pengerusi: Maknanya *you prepared templatel*ah. Kalau hendak buat *police station*, ini sepatutnya *template* yang dipakai, *standardize* untuk semua pembinaan...

Encik Ahmad bin Ali: Kalau *let say*, contoh dalam keadaan kedua, bila JKR buat *reengineering*, ada *certain cost* yang perlu ditambah, EPU akan *consider* pertambahan kos itu *based on*, *let say* contoh kita ada RM1 juta. Masuk FPI *consider* RM1 juta. Bila pergi kepada pihak JKR, *reengineering* balik, ada *certain* kenaikan kos, EPU akan *consider* kepada pihak atasan untuk *re-costing*.

■ 1230

Tuan Pengerusi: Maknanya macam yang *Value Management Unit* ini macam kita buat dalam korporat kita panggil *sanity check*.

Encik Ahmad bin Ali: Yes. Ini bukan...

Tuan Pengerusi: *Sanity check* ini maknanya kita cek sama ada benda itu logik atau tidak logik.

Encik Ahmad bin Ali: Arahan buat VM ini daripada pihak aturkan Kabinet. PM berikan arahan buat VMlah bukanlah...

Tuan Pengerusi: Ini baguslah kerajaan buat sekaranglah. Ada *Value Management Unit*...
[Ketawa]

Encik Ahmad bin Ali: Di dalam kita mulakan proses RMKe-11.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Mungkin berkaitan saya hendak tanya sebagaimana Yang Berhormat Limbang tanya tadi berkenaan kos kepada konsultan sebahagiannya kerana *extension of time*. Salah satu sebab *extension of time* ini EOT3 ini sebagaimana yang disebutkan tadi isu seperti keperluan tambahan CCTV, bilik soal siasat, bilik pemerhati. Maknanya apabila arkitek mereka bentuk ini untuk balai polis dia tidak terfikir perlu ada bilik siasat, perlu ada bilik pemerhatian ataupun pihak PDRM pun tidak maklum bahawa *basic* nak buat balai mesti ada bilik soal siasat, bilik pemerhati. Bagaimanakah berlaku begitu?

CP Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah [Pengarah Jabatan Logistik, Kementerian Dalam Negeri]: Tuan Pengerusi, kalau izinkan saya menjelaskan sedikit Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Memang secara asasnya memang ada tetapi sebagaimana yang Tuan Pengerusi sedia maklum, polis bergerak melihat kepada perkembangan semasa. Projek-projek kita kalau Yang Berhormat sendiri lihat daripada dulu sehingga sekarang sudah berubah banyak. Jadi kita juga *incorporate* benda-benda moden, teknologi-teknologi terkini. Jadi dalam masa kita ada standard yang *spec* ataupun spesifikasi yang standard yang ada tetapi dalam masa tertentu, ada keperluan-keperluan tambahan yang baru.

Contohnya, kita perlu adakan CCTV yang baru untuk diguna pakai sepenuhnya. Sistem *See For Eye* contohnya. Jadi benda-benda ini adalah benda-benda baru yang perlu kita ambil kira. Jadi itulah berlakunya kadangkala perkara-perkara yang tidak diambil kira daripada peringkat awal tetapi diambil kira kemudian. Pada hemat polis adalah penting. Jadi itulah yang berlaku Yang Berhormat sebenarnya. Jadi sebagaimana yang disebut oleh Dato' Sri KSU tadi, kita akan menentukanlah dengan pihak kementerian supaya benda-benda ini kita dapat putuskan lebih awal dan tidak berlaku perkara-perkara yang selepas kerja-kerja dimulakan baru ada perkara-perkara baru. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya harap *Value Management* punya unit ini bawah EPU akan mengambil pandangan semua pihaklah sebelum satu projek dimulakan. Projek ini pun sebenarnya telah berlaku telah dilaksanakan bertahun dulu bukan sekarang. Akan tetapi kerajaan pun telah mengambil langkah untuk hendak mengadakan *Value Management Unit* ini yang kami harapkan akan memastikan bahawa

perkara-perkara yang berkenaan dengan *design*, dengan keperluan *user*, dengan pengambilan tanah dan sebagainya ini, tidak akan jadi isu yang berulang lagilah dalam projek-projek yang akan datang.

Jadi macam kita tengok ini, sebenarnya kita tengok ke belakanglah tetapi sebenarnya ke depan kerajaan telah mengambil tindakan untuk memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang ada. Saya minta maaf Yang Berbahagia Dato', saya sebenarnya tidak mahu mencelah tadi waktu Yang Berbahagia Dato' sedang memberi penjelasan. Akan tetapi isu bajet ini amat pentinglah sebab itu saya mencelah tadi sewaktu Yang Berbahagia Dato' memberikan penjelasan. Jadi sekarang ini ada jawapan-jawapan yang telah diberikan. Ada apa lagi hendak tambah daripada Jawatankuasa?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Sini ada penjelasan, dan juga berkaitan dengan yang saya tanya tadi, lepas itu Yang Berhormat Tumpat.

Kita tahulah di sini saya tengok *the ceiling burst* dari 78 ke 83 iaitu RM5.6 jutalah siling itu naiklah RM5.6 juta dan banyak ia daripada VOP dan semuanya disebabkan oleh EOTlah. VOP pun ada faktor dengan *time* jugakan. Kontrak asal, dan bila penambahan, VOP pun dia efektif juga bila EOT diluluskan. Jadi saya hendak tanya kepada KSU JKR yang meluluskan EOT yang dipohon oleh konsultan, JKRkah yang meluluskan- EOT?

Tuan Ir. Tan Tiong Ben: Pegawai penguasa projeklah iaitu JKR.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: JKRIah, *you approve that you auditing and then the EOT then had been applied by the consultant. Is justified by JKR memang sah, memang betul-betul because we all depend to JKR. Kalau you terima pakai dia punya EOT memang justified, you know what is implication after that kan? Its means VOP tambah, yuran ini tambah, ini tambah it's all cost back to JKR at the moment you justified does the technical department lahan. So di sanalah, kita tadi soalan saya, I want to hear from you is all the EOTs that had been applied had justifiedlah.*

Because macam saya tengok yang pertama ini macam IKRAM. Siapa yang buat *study* IKRAM salah, salahlah. *I mean*, tengok mula-mula *granite*, *granite* selepas itu bila sudah kontraktor buat rupanya *it's different granite, so there have to be redesign the full thing, kan. So these all involve masakan, so these all the factors, lah. Jadi macam mana kita tengok IKRAM kena penalizedkah, salah buat apa-apa because it all incur cost time change EOT dan sebagainya.*

Tuan Pengerusi: Saya pun bila Yang Berhormat Limbang cakap mengenai kalau IKRAM boleh buat salah saya pun sudah mula risau. Ini kerana untuk pembinaan KLIA2, IKRAM adalah konsultan untuk hendak *justify* soal *earth work* di KLIA2. Kalau ini yang kecil ini pun IKRAM tidak boleh hendak buat dengan tepat dan menimbulkan masalah...

Tuan Ir. Tan Tiong Ben: Ini bukan salah siapa. Ini amalan kejuruteraan. Apabila kita buat penyiasatan tanah kita tidak buat keseluruhan tapak. Lihat untuk tapak ini seluas 2.3 ekar kita hanya buat lima *borehole* sahaja. Jadi biasa macam ini kita tidak buat untuk keseluruhan tapak, ia akan melibatkan kos yang tinggi, melambung kos. Jadi kita gunakan kita buat secara rawaklah.

Tuan Pengerusi: Ini buat secara rawak pun *you* kena buat pada tapak *foundation* bangunan bukan kepada tanah kosong. Kalau *you* buat *borehole* tanah kosong tidak ada makna juga. Maknanya *you* kena ikat balik kepada *design* bangunan itu tapak *the footing of the building* juga. *You just can not go and punch the whole for any where else.*

Tuan Ir. Tan Tiong Ben: *Those for whole are chosen actually by profesional di mana dia buat borehole itu dan dia buat reka bentuk berasaskan kepada keputusan yang didapati dari borehole itu. So but this is normal engineering...*

Tuan Pengerusi: *But the decision to dig the barhole, is it dependent on the actual footing of the building or just tanah kosong, you do the borehole sahaja, why they make this mistake?*

Tuan Ir. Tan Tiong Ben: *Is not a mistake. Is just that the location of this site actually at the junction between non stone foundation and granite foundation and the location this site actually at the junction of non stone foundation and granite foundation.*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Yang Berhormat sebut itu baru *you* tahu sekarang kah masa sebelum buat *borehole* itu? *Now you are describing the situation* maknanya *you* hendak buat itu?... [Disampuk] *Then you should had be more careful if you know that's the location there- nature of the location.*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Dato' Sri sudah habiskah taklimat?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Belum lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Belum ya. Masa hendak sampai jam 1 sudah. Tuan Pengerusi yang terpenting ini terlibat dengan sayalah kerana saya kakitangan itu dipindah ke Kepong, Jinjang dan sebagainya, saya pun sendiri mendesak di dalam Mesyuarat supaya satu buah bangunan baru diadakan.

Saya beberapa kali tapi saya hari ini tidak begitu puas hatilah. Tidak puas hati kerana ini dirancang pada tahun 2008, lima tahun kemudian baru kita siap dan yang pentingnya adakah masalah cari kontraktor dengan bangunan yang biasa sahaja. Ramai kontraktor yang boleh buat tanpa masalah tetapi kita tidak, kita pilih sah. Rundingan konvensional ataupun rundingan terus. Ini dikatakan konvensional, Dato' Sri. Akan tetapi, ada rundingan terus tak?

■ 1240

Tuan Ir. Tan Tiong Beng: Tuan Pengerusi, konvensional perunding, rundingan terus. Bermakna, reka bentuk dilaksanakan oleh perunding dan kaedah perolehan secara rundingan terus.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh.

Tuan Ir. Tan Tiong Beng: *That is mean* rundingan terus.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita pilih rundingan terus ini, adakah ini satu pembinaan khas, tak ada kontraktor yang boleh buat dah?

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: Ataupun perlu cepat?

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah ini bermakna kita tidak ada...

Tuan Pengerusi: Itu satu soalan yang cukup baik juga itu. Adakah pembinaan balai polis ini dilaksanakan secara rundingan terus kerana sebab-sebab tertentu seperti nak mempercepatkan pembinaan balai polis dan memantapkan lagi pasukan polis di kawasan Sentul ini?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Memang saya ketika itu tahun 2008- saya tidak ada pada masa itu. Kemungkinan itu adalah faktor-faktor yang mereka melaksanakan perolehan ini secara rundingan terus. Maknanya di sini, konvensional tadi makna JKR melantik konsultan untuk *develop* dia punya *design* dan seterusnya kontraktor yang dilantik adalah berdasarkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk dibuat secara rundingan terus, ketika itu. Saya pun tidak ada, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Dato' Zul masa itu ada?

CP Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Tuan Pengerusi, untuk polislah. Saya bercakap dalam perspektif polislah. Polis cuma kita nak kan dibekalkan, disediakan kompleks IPD dan sebagainya. Kaedah mana, itu kita terpulang kepada kerajaan. Kita terima, Tuan Pengerusi. Kita penerima. Itu selalunya berlakulah. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kita tak salah polis di sini. Tak salah polis di sini sebab polis tidak ada kepakaran untuk pembinaan. Akan tetapi yang terpentingnya, saya nampak bukan sahaja inilah. Kita ada jumlah projek 93 dengan lebih RM3.5 bilion. Daripada 93 projek ini, yang siapkan 77 sahaja. Ini bermakna masalah yang besar termasuk sangat besarlah pembaziran.

Tuan Pengerusi: Ini kerana saya rasa banyak juga isu yang telah ditimbulkan sebelum ini mengenai pembinaan balai polis daripada kaedah pembinaan secara berkelompok yang dibuat oleh syarikat BLT yang ditubuhkan oleh kerajaan dan sebagainya. Adakah pembinaan Balai Polis Sentul ini, nombor satu, ada kena mengena dengan pembinaan oleh macam syarikat macam BLT ini yang sebenarnya dilaksanakan untuk mempercepatkan lagi pembinaan balai polis dan sebagainya oleh sebab masalah keselamatan yang meruncing pada tahun 2008, 2009 dahulu? Itu soalan yang saya rasa boleh kita tanyalah.

Juga, apakah, tadi Yang Berhormat Kepong bawa isu juga, daripada segi perancangan nak buat banyak ini tapi yang dibuat tak sampai kepada jumlah yang telah dirancang tersebut. Apakah status pembinaan balai polis dan sebagainya yang bersamaan dengan IPD Sentul inilah?

CP Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Tuan Pengerusi, kalau boleh saya jelaskan. Keperluan polis memang tinggi daripada segi perumahan, daripada segi kompleks-kompleks pejabatlah. Kalau diikuti konvensional punya peruntukan di bawah peruntukan pembangunan, DE, sampai ke tahun 2030 pun tidak akan cukup perumahan dan pejabat untuk polis. Jadi saya yakinlah, ini pandangan polislah, kerajaan terpaksa melihat kaedah-kaedah lain yang sesuai untuk mempercepatkan proses pembinaan termasuklah PFI lah. Jadi yang ini salah satu perkara yang

dibuat oleh kerajaan untuk mencari dana untuk membantu mempercepatkan proses. Itu saya rasa itu yang diputuskan termasuklah BLT yang Tuan Pengerusi sebut. Jadi itulah kaedah yang diguna oleh kerajaan.

Ini kerana macam tahun 2015 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita tidak dapat banyak pun projek baru kalau dalam konteks itulah. Jadi terpaksa kerajaan melihat cara lainlah atau mendapatkan dana-dana lain untuk membantu mempercepatkan proses ini. Itu saja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, jadi daripada projek yang asal 93 ini, enam sudah dibatalkan walaupun polis memerlukan banyak projek lagi. Enam dibatalkan. Jadi kita pun nak bantu juga. Macam mana enam dibatalkan? Jumlah wang yang terlibat. Jadi ini bermakna kita perlulah bantu polis nak tahu mengapa projek-projek ini lemah. Kelemahan wujud yang begitu besar.

Tuan Pengerusi: Mengikut perangkaan yang diberikan oleh pihak Dato' tadi kan- ini kita dah ke depan pula. PFI ini, jumlah projek asal ada 93, berjumlah RM3.5 bilion. PDRM dapat 27 pembinaan, agensi dapat 66. Statusnya, 77 siap; yang batal, enam; dalam pelaksanaan, sepuluh. Ini saya *assumelah* projek-projek ini patutnya dilaksanakan sebelum inilah, tetapi ada kelambatan jugalah. Jadi orang kata kita juga nak tahu kenapa projek-projek yang batal itu kenapa batal, yang dalam pelaksanaan ini kenapa ada lambat lagi kah tidak. Pasal, tak sempat untuk Audit nak siasat lagi kan? Sekarang ini Audit dah tahu ada sepuluh yang tak siap lagi ini, Audit nak masuk kah?... [Ketawa]

Datuk Haji Anwari bin Suri: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi untuk projek di bawah ini, ia di bawah syarikatlah ini. *Auditing on syarikat, under MKD*. Bukan di bawah KDN.

Tuan Pengerusi: Ini projek bawah BLTlah ini? Maknanya PFI ini, semua BLT ya?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Begini Yang Berhormat ya. Di bawah BLT itu lain. BLT atau *built, lease, maintain and transfer*. *That means* kita ada *certain years and then* kita bayar *yearly* setelah projek itu siap. Akan tetapi di bawah PFI ini, projek ini peruntukan daripada Kementerian Kewangan dan sebagaimana biasa dengan projek DE. Maknanya, ada bagi peruntukan, *and then* pelaksanaannya sama ada secara rundingan terus ataupun secara perolehan yang lain- VS, tender dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: So yang PFI yang tertulis di sini hanya PFI macam Dato' sebut tadi projek PFI yang dibiayai secara terus...

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: ...Daripada Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: ...Daripada Kementerian Kewangan dan bukan yang BLT punya?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Bukan, bukan.

Tuan Pengerusi: Oh, saya pun...

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Bukan. Itu BLT lain. Itu BLT melalui agensi yang dilantik yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan untuk melaksanakan projek-projek

pembinaan balai-balai, pembinaan perumahan polis, kompleks PGA selaras dengan keputusan Jawatankuasa Suruhanjaya Penambahbaikan Polis dahulu. Itu di bawah Kementerian Kewangan, ditubuhkan sebuah syarikat untuk menyelaraskan...

Tuan Pengerusi: Kementerian Kewangan, BLT ini apa statusnya?

Dr. Uzailee Abdul Latif: BLT ini syarikat ditubuhkan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Tuan Pengerusi: Audit pernah audit?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Kita ada audit yang lepas.

Tuan Pengerusi: Ada audit?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Ya.

Tuan Pengerusi: Macam mana status sekarang? Masih diteruskan lagi ataupun sudah ditamatkan, dah siap?

Dr. Uzailee Abdul Latif: Masih berjalan lagi. Operasi syarikat masih berjalan lagi.

Tuan Pengerusi: Masih berjalan lagi? Masih projek di...

Dr. Uzailee Abdul Latif: Ada lagi projek-projek yang dilaksanakan.

Tuan Pengerusi: Duit datang daripada...?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Pinjaman...

Dr. Uzailee Abdul Latif: Ini syarikat komersial.

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Daripada sukuk.

Tuan Pengerusi: Oh, daripada sukuk.

Dr. Uzailee Abdul Latif: Yes.

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Ini Yang Berhormat, BLT ini hanya ada lima lagi yang belum siap sepenuhnya termasuk yang di Simpang Renggam. PGA itu *the last* lah. Mungkin akhir tahun ini atau awal tahun depan akan siap. Selepas itu, habislah maknanya 74 projek di bawah program BLT. Selepas itu, *after ia complete*, kita akan mula habis tempoh DLP untuk membuat bayaran secara macam ini lah, *built, lease, maintain and transfer after 30 years* ya.

Tuan Pengerusi: Okey, adakah polis berpuas hati dengan prestasi pembinaan *facility* di bawah BLT ini?

■ 1250

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Yang Berhormat setakat yang kita telah terima dan beroperasi, memang kita memenuhi kehendak pihak PDRMlah. *Last* sekali PGA Simpang Renggam di mana dalam peringkat mungkin pertengahan atau awal tahun 2015 akan *the whole* kompleks PGA itu akan siap dan akan diserahkan kepada PDRM. Jadi yang tadi Yang Berhormat, yang batal ini tadi adalah melibatkan di bawah PFI KDN ini tadi, 93 projek tadi adalah- PDRM maknanya 27 buah projek, yang lain juga ada melibatkan agensi-agensinya di mana yang batal projek

daripada Jabatan Penjara dan Jabatan Imigresen. Maksudnya bukan yang pada PDRMlah. Ya, itu dari segi...

Tuan Pengerusi: Polis punya tidak ada batallah?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Polis tidak ada. Kita tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi yang macam IPD dekat Johor Bahru itu?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: IPK Johor sebab ia adalah *one of the IP...*

Tuan Pengerusi: Jadi daripada enam ini, satu sahajalah yang polis punya batal?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Dalam pelaksanaan inilah. Maksudnya kita akan *re-tender* balik.

Tuan Pengerusi: Apakah yang batal bukan PDRM?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Batal ini maksudnya kita...

Tuan Pengerusi: Manakala yang sepuluh lagi ini PDRM?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Jalan, jalan. Ada setengah itu belum siap lagi dalam peringkat pelaksanaan.

Tuan Pengerusi: Tidak. Berapa yang PDRM punya yang sepuluh ini?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Sepuluh, akan tetapi *one of them* memang IPK Johor Baru itulah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Dato' Sri, IPD Polis di Limbang kuartersnya termasuk dalam program ini? Sebab mereka masalah di situ itu, kekurangan kuarters. Ini kerana IPD baru sudah siap...

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Ya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Apakah kuarters mereka termasuk juga dalam rancangan program ini?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Limbang saya ingat tidak...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tidak termasuk, ya?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Tidak termasuk dalam PFI ini. PFI ini diluluskan pada, kalau tidak silap awal- macam tadi awal tahun 2009 atau 2008 tadi, bukan?

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Tuan Pengerusi, saya boleh minta penjelasan atau tidak dengan reka bentuk yang pelik ini? Iaitu yang semua kuantum boleh buat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tuaran hendak *move on*? Tidak, sebelum kita *move on*, ada lagi persoalan mengenai bajet atau mengenai pembiayaan kelambatan projek ini?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Saya satu sahaja, berbalik kepada JKR tadi, Tuan Ir. Tan. *I just want to ask you because you are the professional guys. So look at this projectlah, bukan? So all this I go back to the EOT. To JKR, you all justified. As long as you all justified...*

Tuan Ir. Tan Tiong Beng: *Normally this EOT-* untuk EOT diluluskan, melalui proses. Ini jawatankuasa yang tepat, teliti, dan selamat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Ya. I mean on JKR sign, you are satisfied with the other-* semua apakah yang telah pun dipohon? Dan memang *justified*lah.

Tuan Ir. Tan Tiong Beng: *That is why* SO telah mengambil tindakan mengikut kontrak untuk meluluskan EOT berkenaan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey.

Tuan Pengerusi: Okey Dato' Sri, kita tidak ikut aturan ini tetapi saya rasa yang lain-lain ini sebenarnya jawapan telah diberikan. Cuma tadi kita *move on* daripada isu bajet dan sebagainya kepada Yang Berhormat Tuaran, soalannya mengenai kualiti ini. Sebentar lagi soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa yang penting itu saya masih lagi dengan sepuluh buah projek yang masih terlewat termasuk IPK di Johor Bahrunya. Jadi saya berharaplah itu kita dapat panggil semula untuk mengetahui keadaan sepuluh buah projek tadi. Semua yang terlibat.

Tuan Pengerusi: Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, IPK Johor Baru sedang diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Terdapat banyak isu itu kerana saya pun dapat makluman bahawa kontraktor sudah ambil duit lepas itu dia *declare*, mufliis dan dia tinggal projek begitu. Itu jadi isu besar juga nanti. Akan tetapi biar Jabatan Audit Negara yang audit dahulu, ya. Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Madius bin Tangau: Penjelasan terhadap benda yang pelik-pelik daripada segi reka bentuk. Ia punya pili, tandas, dan tingkapnya ini dengan- macam mana ia boleh berlaku begitu? Ini tingkap tandas, yang pelik-pelik inilah. Macam ia punya pili air dan ia punya...

Tuan Pengerusi: Gambar-gambar dalam Laporan Ketua Audit Negara adalah. Maknanya, *placement of window*lah, *the water pipenya* tidak sempurna dan sebagainya. Selepas itu banyak *ratification work*lah yang sebenarnya berkaitan dengan *the original design of building*.

Datuk Madius bin Tangau: Ya.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dalam jawapan maklum balas yang kita dapat dari Jabatan Audit Negara, JKR kata ikut *spec*. Semua ikut *spec*. Tadi itulah, yang tadi mengenai isu-isu mengenai itu, kedudukan tingkap, paip air yang tidak sempurna, dan sebagainya.

Datuk Madius bin Tangau: Tingkap, tandas, dan bilik mandi wanita daripada bahagian luar.

Tuan Pengerusi: Wakil JKR, *you* ada gambar-gambarnya atau tidak? Ada, bukan? Hal ini banyak JKR itu. Soal kualiti dan sebagainya, *spec* ini banyak kepada JKR. Jadi biar JKR jawab dahululah... [Ketawa]

Tuan Ir. Tan Tiong Beng: Ahli-ahli Yang Berhormat, kontraktor pembina projek ini, dia mengikut lukisan reka bentuk yang disediakan oleh konsultan. Jadi, apa yang dibina ini... [Pembentangan merujuk paparan *slaid*] Gambar-gambar yang ditunjukkan ia ada beberapa kategori.

Ada disebabkan oleh reka bentuk. *You see*, apabila kita buat sesuatu reka bentuk, kita ada pandangan yang berlainan. Ada reka bentuk yang dibuat, kontraktor dia bina mengikut reka bentuk yang dibuat oleh arkitek dan dalam kontrak. Apabila kontraktor membina mengikut itu, *I think the contractor* telah menjalankan tanggungjawabnya. Contohnya, tingkap-tingkap, *I think contractor has done their part but* untuk kerja-kerja kecacatan di mana kita nampak di mana kerja-kerja yang kita telah baiki, kontraktor tidak melaksana kerja mengikut keperluan. Jadi tindakan telah diambil untuk memperbaiki kecacatan tersebut.

Tuan Pengerusi: Saya tidak faham. ya, tidak apa Yang Berhormat Tuaran. Maksudnya kontraktor ikut *drawing* yang konsultan buat. Siapakah yang *check* konsultan punya *drawing*? Bukan JKRkah? Selepas itu *you* lulus, sebab apa *you* luluskan?... [Ketawa] Kita ini hendak cari siapa yang hendak disalahkan ini. Jadi ini perkara yang boleh disalahkan ini.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Kenapa JKR boleh luluskan *drawing* yang macam itu yang akhirnya kontraktor ikut tetapi jadi masalah yang ditimbulkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yang Berhormat, kita sudah melantik konsultan. *They are professional. So they have their own professional ethics*lah yang patuhilah. *So in the design under taken by the consultant*lah sebenarnya. Kontraktor dia memang ikutlah *exactly* macam apa yang terdapat dalam projek.

Tuan Pengerusi: Tahu tetapi pegawai-pegawai adalah JKR.

Datuk Ir. Haji Adanan b. Mohamed Hussain: Betul.

Tuan Pengerusi: *You take ultimate responsibility for the whole project. If the drawing you* ambil bulat-bulat daripada konsultan dan *you* langsung tidak *check*, *you* tidak buat *sanity check* on the *design* dan semua sekali. *This is not building difficult project. This is just a building a normal – One storey or two storey building* sahaja. Ia bukannya *those story part of this* sahaja. Akan tetapi yang *design inside* ini semua *is not a complicated job*. Akan tetapi *why did not your pegawai check the drawings before the contractor started the job? Because of that, the ratification work* dan sebagainya itu pun menimbulkan masalah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *Extension on time*, tambah konsultasi fi lagi.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Akan tetapi adakah itu tanggungjawab kita untuk- *because we have paid the consultant*.

Tuan Pengerusi: *You are* sebagai pegawai pengawal. *Full stop there*. Kalau hari ini Dato' Sri KSU adalah Pegawai Pengawal, saya akan tanya soalan yang sama kepada Dato' Sri. Akan tetapi Dato' Sri bukan *engineer*lah atau kontraktor, bukan? Jadi Dato' Sri tidak tahu. Akan tetapi JKR memang itu tanggungjawab JKR dan pegawai-pegawai JKR memang patut tahu mengenai benda ini.

■ 1300

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Akan tetapi memang kita *go randomly*, kita tidak *go into very detail because* tanggungjawab *the design, calculation, the analysis* apa semua memang...

Tuan Pengerusi: ...*But*, ini baru satu projek, belum lagi projek lain yang lebih *complicated*, lebih besar yang JKR uruskan.

Datuk Madius bin Tangau: Tuan Pengerusi, kita sudah melalui banyak *design* sedemikian rupa. Dahulu bangunan MATRADE, kita pun dalam PAC juga dahulu, benda yang sama. JKR, dia tidak buat dia punya kerja, *you know, the design*. Dia sendiri pun terkejut, tidak pernah nampak bata disusun macam ini. Dahulu semua batu bata disusun macam ini dan sebagainya. *These are basic thing, you know*. Macam yang... [Disampuk] Kedudukan bilik air yang tidak sesuai. Selepas itu yang tandas ini. *I think this is basic*, bukan *complicated* punya bangunan. *That's means; JKR has not done their job to check through. You are supposed to approve the design before*, bukan? Kalau belum lulus, *you* perlu beri balik kepada konsultan sebab kita bayar konsultan.

Tuan Pengerusi: Soalnya dalam isu ini, dalam *you* punya SOP sendiri, SOP dalaman *you* di JKR, ada tidak satu SOP itu yang mengatakan perlu *check drawing* yang diberikan oleh konsultan?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Memang dalam kita punya sistem SPP, kita memang ada. Kita ada *design verification, design validation* sebelum *we go to construction stage*.

Tuan Pengerusi: So dalam hal ini memang salahlah? Memang JKR bersalahlah?... [Ketawa] Pasal, SOP sudah ada, tidak buat. Selepas itu, *drawing* itu keluar tanpa ada *check* dan akhirnya menyebabkan kontraktor buat *construction* ikut *drawing* itu. Kontraktor tidak salah.

Tuan William Leong Jee Keen: Ini kerana bila *drawing* keluar, memang JKR ada tandatangan *approve*, bukan?

Tuan Pengerusi: Ada tidak?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: *I need to confirm* dengan...

Tuan Pengerusi: *Verification* daripada JKR punya *engineer* yang luluskan *drawing*.

Tuan William Leong Jee Keen: Ini standard prosedur, bukan?

Tuan Ir. Cheong Pui Keng [Pengarah Jabatan Kerja Raya Wilayah Kuala Lumpur]:
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: *You* hendak cakap dalam *mic* atau hendak cakap tanpa *mic*?

Tuan Ir. Cheong Pui Keng: Projek ini di bawah penyeliaan JKR Wilayah Kuala Lumpur. Akan tetapi ahli-ahli pasukan ada bertukar-tukar. Jadi untuk saya, saya mengambil alih projek ini daripada Oktober tahun lepas. Jadi, memang daripada apa yang ditunjukkan dalam Laporan Audit itu ada menunjukkan kelemahan-kelemahan dalam projek bangunan ini. Jadi pihak JKR sedang mengambil

tindakan untuk mengatasi perkara ini termasuk mendapatkan penjelasan daripada juru perunding yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: So dari pegawai JKR berkenaan yang *sign* perkara ini, adakah beliau masih berkhidmat lagi? Adakah tindakan diambil oleh JKR kepada pegawai yang *sign drawing* ini?

Tuan Ir. Cheong Pui Keng: Ada. Lanjutan kepada Laporan Audit, pihak KKR sudah menubuhkan jawatankuasa *internal investigation*.

Tuan Pengerusi: Ini tidak payah guna jawatankuasa. Ini *very clear already. We know* ini. *We ask just now, you already admitted. No need to tubuh jawatankuasa. You already know the person that is negligent.*

Tuan Ir. Cheong Pui Keng: *In this going through the project. The audit has put out the report to the Ministry and the process is in progress.*

Tuan Pengerusi: *Can we know the name of the person yang sign the drawing or the person involved in JKR that actually approved the consultant punya drawing?*

Tuan Ir. Cheong Pui Keng: Di dalam pasukan JKR, *we have different player*. Daripada segi *design process*, kita ada SOTT. Pihak SOTT yang menjaga reka bentuk daripada pihak perunding sebelum ia dikeluarkan kepada pihak kontraktor untuk pembinaan. Jadi bila kita sebut pejabat SO, pejabat SO bertanggungjawab untuk menentukan pembinaan di tapak dijalankan mengikut lukisan yang sudah dikeluarkan. *So, there are different player in the...*

Tuan Pengerusi: *I know. I want all the different player's name. We have to complete our report. We cannot wait for your report. So, can you just please give us the name of the person who are involved in this approval process for the design?*

Puan Ar. Rosila binti Mohamed [Ketua Penolong Pengarah Kanan Cawangan Arkitek, Jabatan Kerja Raya]: *Assalamualaikum*. Saya Rosila daripada Cawangan Arkitek, Ibu Pejabat JKR.

We do the verification of the drawings before they are being diuruskan untuk pembinaan. Akan tetapi, *we have appointed professionals to undertake the project. So kita expect they give their full cooperation, professionalism semasa mereka undertake the project. Semasa sesi verification of the drawings, we do not actually check all the detailing because kita anggap mereka itu profesional and they should deliver the project professionally. So we do not check detailing like that. To the exact detail, kita tidak check. Kita lihat sekali lalu. They usually present to us first before kita validate* sesebuah projek itu untuk...

Tuan Pengerusi: *When they present to you, you should have pick this issue up.*

Puan Ar. Rosila binti Mohamed: *Sorry?*

Tuan Pengerusi: *When they present to you, you should have pick this issue up.*

Puan Ar. Rosila binti Mohamed: *We do not pick the small detail, you know.*

Tuan Pengerusi: *You should.*

Datuk Madius bin Tangau: *Tuan Pengerusi, we have seen too many of this already in this meeting, in the PAC. I have seen too many of this. Because, I think on the side of JKR, you did not check- that is the problem, you do not going to the detail, you did not check. So, I mean, you have consultant but siapa pun guna dia. I mean benda yang you boleh come out with something pelik macam itu, benda-benda yang pelik begitu, you can be very embarrassing. At the end of the day, people will look at the professional to put their signature on the reka bentuk. They point their finger this side, the government. Inilah kamu kerajaan, begini... [Disampuk] Ya. I know they sent the drawing, but it is you. You are the one who are going to see whether this is proper...*

Tuan Pengerusi: *The project owner is responsible.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Without JKR approval, they cannot proceed.*

Tuan Pengerusi: *Ya.*

Puan Ar. Rosila binti Mohamed: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *I know your problem. That is why in PAC, we are given the excuses saying that, if JKR could not do it, so give it to PMC. So now I think it is going back towards, because PMC already did their job, now it is going back to JKR. So if you give this kind of answer to us, alasan, then I would get worried also because it is not even the question of safety. It is the question of little thing also you cannot get it right. Then later on, it causes ratification work, it is causes more taxpayer's money to be spend to ratify this small mistake that should have been picked up at the design stage, at the drawing stage.*

So that is why, I am sorry, but you have not..., I mean, from a layman point of view, from our point of view, you have not done your job. You should also call the consultant to explain why, and then the explanation should be taken on the consultant itself at their association level, Persatuan Arkitek dan sebagainya. Just to show that as professional, they must be more careful in carry out their duties.

Puan Ar. Rosila binti Mohamed: *Yang Berhormat, kita pun buat laporan prestasi perunding in every stage of the project. Semasa schematic level, semasa design development, semasa contract administration, kita buat laporan prestasi perunding. So in future, there are performance will be given to MoF and future project probably mereka tidak akan di- in fact Audit Report pun disyorkan mereka disenaraihitamkan.*

■ 1310

Tuan Pengerusi: *Untuk saya, saya fikir-fikir, kalau boleh PAC hendak panggil konsultan ini, tanya pula pendapat mereka macam mana JKR punya attitude kerja? Mungkin mereka pula ada cerita yang lain kata pegawai JKR tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik. Saya tidak tahulah. Itu terpulang kepada jawatankuasa.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Tuan Pengerusi...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Saya hendak bertanya sahaja, apakah liabiliti konsultan ke atas pelan yang diserahkan kepada pihak JKR? Ditanggung oleh pihak JKRkah atau ditanggung oleh pihak konsultan? Apakah perjanjian *disclaimer, whatever, what is the detail arrangement? Are they liable for back plans?*

Puan Ar. Rosila binti Mohamed: *Because they are submitting person for the project.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So for this particular project, if their plan are bad, can the kementerian take action against the consultant and claim for liability?*

Tuan Ir. Tan Tiong Ben: *I think we can. According to the MOA, I think their provision – Memorandum of the agreement between the government and the consultant, their provision for the government to take action against the consultant all these liabilities and all that. But one thing I need to say is in the design of the building of sustain, normally there are no such things that is 100%. There are no such things as 100%. They are bound to be things that are being overlooked here and there.*

Tuan Pengerusi: *I agree with you. That is why I said just now. I am not even touching about the issue of security of the building and other issue which can harm the safety of the staff and public there. I am talking about ecstatic. Even simple ecstatic issue that where your placed the window, where you placed the pipe, even that is being overlooked. I am not even speculating about the safety aspect of the construction.*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Okey, okey. Saya hendak tanya Tuan Pengerusi dan hendak tanya arkitek. *It said just now JKR tengok dan you do not care about the small things.* Dia tengok, dia approved...*[Disampuk]* okey, you sudah tengok itu, apakah perubahan atau pembetulan yang you buat pada design arkitek? Ada atau tidak ada?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Pembinaan ini, ini *design stage.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tidak pun yang detil itu, ada perubahan ataupun 100% approved?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, ini Datuk Ir. Hj. Adanan ya. Tadi Datuk Madius pun ada beritahu Yang Berhormat iaitu yang sebenarnya benda yang tengok hari ini *is not the first day* kita tengok. Sebenarnya banyak sudah *we go through* PAC ini. Kalau kata orang Sarawak, hendak kutip putik kecil-kecil ini pun ini cerita banyak.

Jadi saya, Datuk Adanan, mungkin ini titik permulaan, mungkin kita Tuan Pengerusi *our* mungkin kita boleh syorkan dalam repot kita iaitu tentang *as you now that* kalau dalam *rod design*, kita ada *rod safety audit is it?* Satu di *planning stage* sudah ada *rod safety, stage one*, masa *design* ada *stage two*, masa pembinaan ada *stage three, stage four* masa sudah tidak digunakan. *Why not I think*

di sini titik permulaan dalam projek-projek kerajaan untuk bangunan *especially I know* bangunan *is very tedious. Small, small thing* bila sudah siap sebab itu *designer* kalau surau, kalau bangunan, *designer* tidak berani pergi bangunan surau itu. Dia takut hari-hari orang nampak. *The more longer the* bangunan *is used*, orang semakin nampak sudah masalah kecil-kecil. Sakit telinga dia, tidak tahan, pergi sembahyang surau lainlah. *People* selalu nampak sudah kesilapan kecil-kecil.

Kita faham itu, mungkinlah Datuk Adanan, mungkin di sini, *I think* Tuan Pengerusi, *our* PAC, *maybe* syor itu *why not also* mungkin JKR menubuhkan unit *safety this audit at every stage of the drawing*. Mungkin *design by* JKR sendiri, JKR kita sendiri ataupun yang konsultan pun *we go through the auditing. The drawing, this unit* tetapi secara detillah. Bukannya secara rambang tadi, itu yang rambang itu kita faham. Sebab kalau masa ini pun, *I do not want to mention there is one place in Malaysia right now, there is a road design by consultant*. Kontraktor lain buat, sudah 90% siap, sekali siap jalan itu, macam jalan balak. Atas gunung, orang kampung mana berani hendak pakai. Siapa hendak berani pakai. Siap juga, semuanya siap, *everything* tetapi ia di tengah bukit, gunung. Siapa hendak- padahal itu *meant for-* Tidak perlu sebutlah. Audit pun tidak payah *check*lah, malaslah... [Ketawa] Ini cerita sahajalah. *This can happen also, because* saya pun tanya balik juga.

Mungkinlah kita menyarankan kalau ada *auditing at this level of the when the drawing is submitted by the consultant, you know all these small, small things*. Betul juga kalau yang bilik air wanita tingkap dia rendah, siapa selesa hendak buang air di situ, cakap betul *you know. So all these things*, kadang-kadang dia lebih kepada keselesaan penggunaan. Mungkin boleh ditubuhkan unit *safety auditing on this kind of things*, rasa-rasanya Tuan Pengerusi. *This is our-* tengok yang nampaknya *because this is not the first time*, selalu kita tengok.

Datuk Madius bin Tangau: Tuan Pengerusi, saya pun hendak tambah sedikit. Saya sebenarnya bila mendengar JKR mengatakan *they do not go to the detail*. Saya risau, saya betul-betul risau sebab di kawasan saya banyak bangunan yang kerajaan ini. Satu bangunan sekolah, kita- *all because of consultants. So* JKR tidak buat. *First* sekali *design*. Macam mana *design* bangunan tiga tingkat, empat tingkat di lereng bukit macam ini dia boleh buat. Saya tanya konsultan "Kenapa buat bertingkat-tingkat yang di lereng bukit macam ini?". Dia cakap, "Sebab ia punya kawasan tidak cukup". Alam sekitar macam mana? Tidak ambil kiralah. *You do not take in concept* alam sekitarkah? *You are only fix to the area*. Saya bukan orang teknikal.

Selepas itu ada beberapa buah surau yang tidak boleh digunakan di sekolah. Kita tengok dia punya bangunan pun, macam kandang kambing, kandang lembu. *Now, who is going to approve all these design?* Saya risau, *I am very worried if JKR you do not go into the detail, 100%* you letakkan kepada konsultan, selepas itu konsultan pula macam ini, siapa lagi kita hendak bergantung? Sekarang ini sudah selesai dia punya bangunan tidak boleh guna.

Satu lagi daripada segi tapak. Ini budak-budak seronok main bola keranjang di sekolah. Dia bikin bangunan di situ, *who is going to approve* tiba-tiba ada di situ? *That is JKR must be the one that is going to speak for us. I meant to minelah* daripada segi *design*. *I am worried actually, I agree with ex-JKR* punya orang. Kalau itu maklumatnya, *because I have seen too many*, terlalu banyak *cases like this. Is this going to be a Malaysian* punya budaya daripada segi pembinaan, *construction? Is it going to be our culture?* Macam yang kualiti dia punya simen lantai macam ini.

Tuan Pengerusi: Lantai simenkah atau bumbung yang patah?

Datuk Madius bin Tangau: Yang lantai ini. Contoh macam itulah, sudah siap tetapi tidak jalan, dia boleh berhabuk balik. *All the things is like that, so, I agree with* Yang Berhormat Limbanglah *and is the JKR, we go into detail*. Kita tidak boleh biarkan konsultan bermaharajalela, *expecting that they will do their job* secara berintegriti.

■ 1320

Tuan Pengerusi: Itulah isu ini pembinaan IPD Sentul dalam kawasan bandar. Maknanya, JKR punya *staff limitation can be overcomelah* sebab dalam kawasan bandarkan. Kalau kawasan macam Tuaran, dekat Limbang, entah macam mana entah lagi dia punya kekangan yang dihadapi oleh pegawai-pegawai JKR ya. Akan tetapi, itu tidak boleh dijadikan alasan juga pasal kerajaan tetap akan membelanjakan duit di kawasan luar bandar dan sebagainya. Pembangunan tetap akan dijalankan, bangunan-bangunan tetap akan dibina tetapi kualiti itu mesti sekurang-kurangnya *at the level where it is satisfactory* lah, bukan? Itu hari kita masalah tentang UPSI pun *problem* juga pasal hendak dapatkan JKR punya *approval* pun lambat pasal pejabat di Perak tidak mampu hendak menguruskan dan sebagainya.

Akan tetapi itulah, dalam saya tengok dalam item nombor lapan daripada laporan yang disediakan oleh pihak Dato' ini, ada ditulis di sini bahawa pemantauan kurang berkesan kepada pihak JKR ini akan dimantapkan lagi dengan penyusunan semula organisasi dan menempatkan lebih ramai lagi pegawai-pegawai di tapak binaan. Juga, ibu pejabat JKR akan menubuhkan pasukan nazirannya yang akan melaksanakan pengauditan daripada semasa ke semasa sewaktu projek dijalankan.

Akan tetapi macam yang disebut oleh Yang Berhormat Limbang tadi, sepatutnya dari segi peringkat *design* itu pun sudah ada dia punya naziran yang dibuat ke atas kerja *design*, atas lukisan *design* yang dibuat oleh konsultan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tambahan mungkin sikit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tambahan lagi.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Bukan apa ini kepada JKR dan bukanlah juga... Mungkin *this is something moving forward* lah. Kita tahulah arkitek-arkitek, *your building technician very busy to go through every small thing but maybe form a new unit*, unit khas audit itukan yang memang *auditing* daripada *conceptual drawing* sampai kepada *retailing* sebelum diserahkan. Mungkin

there is a new form unit barulah, bukan the existing staff because we know core business pun ada. Mungkin khusus untuk melihat perkara ini.

Honestly lah on behalf of Tuan Pengerusi, saya pun this first time PAC, banyak sangat about these smalls thing dalam report audit yang kita terimalah kan. Banyak sungguhlah. Air bertakung, you can name it lah ya, macam-macam. Jadi this thing mungkin ada unit baru ditubuhkan- bagus juga, job creation jugalah ya tak? But specialize, teknikal, orang berpengalaman untuk melihat. Mungkin ini sebagai syorlah. It's a high time mungkinlah.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Yang Berhormat...

Puan Ar. Rosila binti Mohamed: Yang Berhormat, di peringkat awal perancangan projek, kita memang semak *whether the consultant comply with the SOA of the pelanggan*, kita semak *whether the consultant comply with the requirement of the pihak berkuasa tempatan (PBT)* dari segi kebombaan, dari segi saliran, JPS dan sebagainya. *But the small detail I would like to mention, there are 500 drawings that, you know, memang definitely we do not have the capacity to check into detail. We expect the professionalism of the consultant yang kita sudah lantik untuk menjalankan tugas secara profesional, so...*

Tuan Pengerusi: Sekarang ini ada penggunaan IT *where you can just macam building drawing you boleh masukkan dalam program dan program itu akan bagi tahu apakah the standard template of how the building should look like. Are you using that?*

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Tuan Pengerusi, kita *now is in embarking on the BIM atau Building Information Modeling. So, hopefully with that, we can easily trace any errors, any conflicts on that lah. So, we are embarking in this...*

Tuan Pengerusi: Sudah buat ya?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ya.

Tuan Pengerusi: Jadi saya berharap PAC lagi tiga, empat tahun akan datang, lima tahun akan datang takkan berhadapan dengan masalah yang sama lagi dengan penggunaan BIM ini. *[Disampuk]* Tak, pasal untuk saya juga. *I come from construction background juga. So, that's why I... know about this BIM software ini which has been used in this industry for many years already. Cuma JKR tidak buat lagi. Satu tahun, kerajaan belanja RM50 bilion untuk infrastruktur sahaja, which is a lot- every year, ya. So, can you just imagine kalau wastage of 10% berlaku is RM5 billion a year yang habis ke arah perkara-perkara yang boleh dielakkan.*

Jadi saya berharap selepas ini dengan *improvement* yang dibuat oleh pihak JKR dan sebagainya, *the user requirement* akan ditentukan oleh EPU- EPU jangan lari ya. Ini EPU pun pasal tadi disebut pasal *value management (VM)*, perkara-perkara ini akan mengurangkan lagi atau akan memperketat lagi daripada segi *design*, daripada segi perolehan dan sebagainya untuk mengurangkan pembaziran berlaku dari segi pembinaan.

Jadi saya hendak pendekkan masa kerana sudah 1.30 petang ya. Jadi tadi isu bajet sudah jawab. Isu kelewatan pun sudah dijawab. Isu kualiti pun sudah dijawab.

Isu tiada surat niat, kita sudah tanya pendapat daripada Kementerian Kewangan tadi dan Kementerian Kewangan kata ketiadaan surat niat ini oleh JKR ini sebenarnya bukan merupakan perkara yang perlulah kerana kontrak sudah ada. Betulkah *statement* itu? Prosedurlah.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Tuan Pengerusi, ini mungkin terlepas pandanglah di sini. *Actually* apakah yang kita isu *is a* surat pelawaan tender *because* biasanya macam surat niat ini, kalau projek ini *design and build*. *Design and build*, kita akan keluar surat niat untuk kontraktor buat *design and also put in the pricelah*. *Whereas is in this case*, projek ini *design* sudah siap, cuma *what the kontraktor need to do is to put in the pricelah, the BQ*, dia kena isi BQ. Jadi apa yang surat yang kita keluarkan surat pelawaan tender kepada kontraktor tetapi dia punya *condition* lebih kurang surat niat jugalah dia punya...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *it's not a tender what?*

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ha, betul... *[Ketawa]* Mungkin dari segi istilah itu mungkin tidak berapa tepat.

Tuan Pengerusi: Itu sudah ada percanggahan itu. Ini bukan tender... *[Ketawa]*

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Cuma maksud kita untuk isi *price* sahajalah.

Tuan Pengerusi: Bukan. Daripada segi prosedur, rantaian kelulusan itu sudah terpotonglah dengan tiada surat LOI ini. Walaupun perkara ini tidak begitu penting dalam hal ini tapi ini juga merupakan satu kesalahan juga dan perlu dielakkan pada masa-masa akan datang. Itu dia punya kesimpulannya.

Jadi isu perolehan barang-barang dan barangan import tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan ini, apakah amalan yang digunakan oleh JKR kepada kontraktor sekarang ini berkenaan dengan isu ini? Jikalau mereka nak pakai barangan import dan sebagainya.

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Tuan Pengerusi, biasa kalau barang import ini, *we have to get* kelulusan daripada pihak MITI. *Whereas* dari segi projek ini, *it is not wholly imported product*. *It come in piece and pieces*. Jadi ada yang *imported*, ada yang bercampur dengan *local*. *So*, hendak kata *totally imported* pun...

Tuan Pengerusi: Asalkan dia ada komponen *local* dalam *the finish product, then you* anggap perkara itu menepati syarat menggunakan barang *local* jugalah?

Datuk Ir. Haji Adanan bin Mohamed Hussain: Ya.

Tuan Pengerusi: Itu pun tadi jawapan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan. Maksudnya sudah serahkan kepada agensi pelaksana untuk membuat ketentuan tersebutlah.

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: MITI ada keluar surat baru ya.

Tuan Pengerusi: So, isu mengenai pagar keselamatan tidak dibina di hadapan balai polis, apakah dasar polis sekarang ini? Walaupun nak mesra rakyat tapi takut nanti banyak *terrorist* datang bom kah, apa kah.

CP Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Tuan Pengerusi, kalau kita lihat sejarah polis ini pun, kita pada suatu masa dulu memang kita mempunyai pagar keselamatan yang cukup tinggilah. Kemudian bila fasa berubah ataupun masa berubah, kita ada keluar potong separuh dan sebagainya. Jadi benda ini bukan orang kata satu yang tetaplah, Tuan Pengerusi, dan dia akan berubah daripada semasa ke semasa mengikut *assessment* kita daripada segi keselamatanlah.

■ 1330

Jadi dalam konteks IPD Sentul ini yang tidak ada pagar itu hanyalah di kawasan yang menuju ke balai polis. Dia ada dua. Satu IPD ibu pejabat daerah itu sendiri, sebuah balai polis yang ada 24 jam pegawai kita untuk menanti orang datang buat laporan. Jadi, di situ sahajalah tetapi ada pintu dan ada CCTV dan sebagainya.

Jadi, dalam konteks ini kalau kita lihat di luar negara pun, banyak keadaan di mana balai-balai polis bersifat demikianlah. Tidak ada orang kata kita lihat pagar- macam kita sudah biasa di Malaysia ini ada konvensional punya pagar tinggi dan sebagainya yang memisahkan antara orang luar dengan polislah. Jadi kita cuba dalam kaedah ini. Dalam IPD Sentul itu satu bahagian yang kecil sahaja menuju ke pintu balai polislah. Manakala, yang lain-lain semua adalah berpagar.

Akan tetapi kalau kita rasa tak sesuai Tuan Pengerusi, senang kita akan ubahlah. Akan tetapi pada masa ini kita berpuas hatilah. Tidak ada masalah yang maknanya ada ancaman dan sebagainya terhadap institusi inilah. Siapa pun nak masuk dia akan melalui pintu itu dan memang anggota kita bertugas 24 jam di situ dengan ada bantuan daripada CCTV dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Memang dalam *design* asal memang tidak ada pagarlah...

CP Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Memang dalam *design* asal begitulah.

Tuan Pengerusi: Tidak ada pagarlah?

CP Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Di depan itu memang tidak ada. Sebagaimana yang saya cakap tadilah. Kita mencuba satu kaedah baru melihat bagaimana respons masyarakat di Kuala Lumpur terhadap kemudahan-kemudahan membuat laporan polis dan atau juga apa pertanyaan kepada polislah. Akan tetapi dalam ruang itu sahajalah. Dia tidak boleh masuk tempat lain Tuan Pengerusi.

Jadi makna *accessibility* itu hanya terhad untuk masuk ke balai polis sahaja. Jadi makna kalau tempat lain pun berpagar. Dia tidak boleh masuk ke kawasan lain selain daripada masuk ke *enquiry officel* atau pejabat pertanyaan polis.

Tuan Pengerusi: Tadi saya tengok ada gambar yang nampak macam di Balai Polis Sentul itu letak macam pagar *barricade* dekat di cermin...

CP Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Di tepi belakang? Yang lain semua ada. Yang lain semua berpagar. Dalam konteks berpagar memang berpagarlah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi apa rasional taruh pagar dekat tepi tingkap? Diakan *glass fasad*...

CP Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Yes...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dekat tepi itu dia taruh macam....

CP Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Dia naik...

Tuan Pengerusi: ...Pagar separuh. *Simple metal* punya *fence*.

CP Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Itu sebelah depan. Akan tetapi di sebelah belakang memang ada *fencing*, kita ada *bulb wire* punya *fencing* sebelah belakanglah. Kita melihat ya lah dari segi ibu pejabat polis daerah Sentul ini adalah betul-betul dalam kawasan bandarlah. Kita ambil kira jugalah tentang dia punya *first sidelah* untuk nampak menarik dan sebagainya.

Akan tetapi apabila ada pagar yang di situ, jadi kalau ada *intruder* masuk memang kita akan sedar yang *intruder* akan masuk dalam kawasan itulah. Cuma di depan dengan pintu balai sahaja yang tidak adalah supaya memudahkan orang berurusanlah. Akan tetapi, kajian keselamatan memang kita buat dari semasa ke semasalah. Kalau kita merasakan yang keadaan tidak mengizinkan, kita akan mengambil tindakan tertentu. Dan mungkin orang terpaksa masuk ikut *main doortah* ataupun *main gate* pusing ke dalam dan jauh sedikitlah untuk pergi ke balai itu. Itu sahaja penjelasan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ada isu lain? Saya rasa kita dah *cover* banyak isu, semua isu yang telah dibawa. Dato' ada hendak tambah apa lagi Dato'?

Dato' Sri Mohamad Khalid bin Haji Shariff: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Memanglah tadi isu pembinaan ini ia berkait daripada mula macam *design* dan juga penentuan daripada segi *scope of work*. Jadi berdasarkan apa tindakan yang kita ambil untuk projek-projek di Rancangan Malaysia Kesepuluh memang- EPU menubuhkan satu *team* daripada *expert* teknikalnya untuk kita pergi detil dari satu persatu.

Lagi bagi mengelakkan isu-isu tadi pertama banyaknya kerja-kerja APK lah, kerja-kerja tambahan *beside* yang tadi daripada segi skop-skop yang perlu ditambah. *Beside that* daripada segi konsultan memanglah Yang Berhormat, kita memang mengambil perhatian mengenai perkara ini di mana banyak dalam projek ini memang konsultan memainkan peranan atas mutu kerja dan kelewatan tadi. Di sinilah pihak Kementerian Kewangan pun telah ada pekeliling baru di mana kita pun juga boleh mengambil tindakan terutama dari segi penalti kepada mereka- *is the* langkah-langkah terbaru yang dibuat oleh Kementerian Kewangan.

Bagi konsultan juga dia tidak boleh lari daripada tanggungjawab itu. Kalau kontraktor *delay*, kita ambil tindakan LAD atau denda. Konsultan juga memanglah dia menyumbang *at the end* macam


disuarakan, yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat *end user* bahawa *because of their mistake*, kelalaian dia, tidak mengambil selaras dengan profesionalisme dia itu, dia punya ada berautoriti dan berdaftar dengan persatuan-persatuan. Sepatutnya itu *ethic* yang patut ditanamkan dan dengan langkah-langkah tadi macam pelaksanaan yang telus- kita harap.

Kami sebagai *end user* memang mahulah projek yang kita dapat dan terus kita boleh guna dan juga menyebabkan keselesaan kepada anggota PDRM dan kita *make sure* untuk projek yang seterusnya yang akan kami laksanakan, akan mengambil kira cadangan-cadangan tadi. Saya berterima kasihlah daripada pihak PDRM atas keprihatinan untuk kita sama-sama memberi kemudahan dalam sistem perumahan dan juga kuarters-kuarters dan balai-balai kepada PDRM. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa tidak ada soalan lain ya? Kalau tidak ada soalan lain, saya rasa kita boleh tamatkan prosiding pada hari ini.

Saya ucapkan terima kasih pada Dato' serta pasukan Dato' yang hadir pada hari ini. Kalau ada terkasar bahasa janganlah bawa balik keluar dari bilik ini. Kita hanya menjalankan tugas kita sebagai Ahli PAC yang menjaga kepentingan rakyat yang sentiasa mencari cara untuk nak memperbaiki cara wang rakyat dibelanjakan ya. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Dato' sekali lagi dan dengan ini saya tamatkanlah prosiding pada hari ini. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.36 petang.]



DOKUMEN PEMBENTANGAN



**JABATAN AUDIT NEGARA
SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN**



MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PENGGAL
KEDUA, PARLIMEN KE-13 BIL. 33 TAHUN 2014

PROJEK PEMBINAAN IBU PEJABAT POLIS (IPD) DAERAH SENTUL, KUALA
LUMPUR, KEMENTERIAN DALAM NEGERI

TARIKH : 14 OKTOBER 2014 (SELASA)



LATAR BELAKANG PROJEK

Butiran Kontrak

Tarikh	Perihal
Nama Kontraktor	SAFF Builders Sdn. Bhd. (Kini dikenali sebagai FFAS Builders Sdn. Bhd.)
Jenis Tender	Rundingan Terus
Kaedah Pelaksanaan	Konvensional (Perunding)
Harga Asal Kontrak	RM64 Juta
Harga Kontrak Semasa	RM70.36 Juta
Surat Setuju Terima Dikeluarkan	03.03.2010
Tempoh Siap Asal	03.02.2012
Tarikh Milik Tapak	15.05.2010
Tarikh Siap Semasa	31.05.2013
Jumlah EOT	4 EOT (483 Hari)

RUMUSAN KESELURUHAN

Pada keseluruhannya, pembinaan projek ini telah mencapai objektifnya iaitu menyediakan bangunan yang moden dan selesa. Bagaimanapun, projek ini hanya disiapkan selepas 4 lanjutan masa diluluskan. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

1. *kelewatan menduduki bangunan di mana bangunan ini hanya diduduki sepenuhnya pada bulan Januari 2014 walaupun Perakuan Serahan Kerja Siap telah dikeluarkan oleh JKR Wilayah Persekutuan pada 5 Jun 2013;*
2. *Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh pada 24 September 2008 telah bersetuju supaya projek ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat FFAS Builders Sdn. Bhd. Bagaimanapun, tidak ada bukti Surat Niat dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor;*
3. *perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam negara tanpa kelulusan Kementerian Kewangan;*
4. *pembinaan pagar keselamatan tidak meliputi keseluruhan kawasan kompleks di mana pagar keselamatan tidak dibina di hadapan balai; dan*
5. *terdapat reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai dan kerja pembinaan yang kualitinya tidak memuaskan.*

3

PRESTASI PROJEK

Prestasi Kewangan

Kos Projek Setakat Bulan Disember 2013

Perihal	Jumlah (RM' Juta)	
Peruntukan Asal	77.00	
Nilai Kontrak	64.00	
APK dan PHK	6.36	
Nilai Kontrak Semasa	70.36	→ 9.94%
Bayaran Perunding	7.12	
Bayaran Utiliti/PBT/Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentukan	1.06	
Kos Projek sehingga 31.12.2013	78.54	→ 1.02%

4

PENGURUSAN PROJEK

1. Kelewatan Memasuki Bangunan Yang Telah Siap (Perenggan 11.5.1.3)

KRITERIA

Perakuan Siap Kerja dikeluarkan pada 31 Mei 2013 dan Perakuan Serahan Kerja Siap pula dibuat pada 5 Jun 2013. Sementara bangunan IPD ini siap sepenuhnya, Balai Polis Sentul telah beroperasi sementara di premis yang disewa di Jalan Kasipillay.

PENEMUAN AUDIT

Mengikut perjanjian, tempoh sewaan akan tamat pada 30 Mac 2013. Bagaimanapun, tempoh sewaan ini telah dilanjutkan sehingga 30 Mac 2014. Jumlah sewa yang dibayar adalah berjumlah RM12,252 sebulan. Oleh kerana bangunan tersebut masih belum diduduki, Balai Polis Sentul masih beroperasi di Jalan Kasipillay dan PDRM terus membayar sewa berjumlah RM73,512 (6 bulan – Julai hingga Disember 2013).

5

PENGURUSAN PROJEK

1. Kelewatan Memasuki Bangunan Yang Telah Siap (Perenggan 11.5.1.3)

PENDAPAT AUDIT

Kelewatan menyiapkan projek ini dan kelewatan perpindahan ke bangunan baru mengakibatkan pihak KDN terpaksa menanggung kos sewaan berjumlah RM73,512 yang dikira dari bulan Julai hingga Disember 2013.

MAKLUM BALAS KDN

Kelewatan masuk ke IPD Sentul yang baru disebabkan oleh penyerahan kunci bangunan kepada pihak pengurusan IPD Sentul hanya diterima pada 25 November 2013 dan terdapat beberapa isu lain yang belum diselesaikan seperti tiada perkhidmatan talian telefon dan internet. IPD Sentul mula beroperasi sepenuhnya pada 2 Disember 2013. Tempoh sewaan balai sementara IPD Sentul telah dilanjutkan setahun lagi kepada 30 Mac 2014 kerana projek tersebut belum dapat disiapkan lagi pada ketika itu. Pada ketika ini kerja-kerja baik pulih Balai Polis Sementara (sewaan) kepada keadaan asal telahpun dibuat dan bangunan sewaan tersebut akan diserahkan kepada pemiliknya pada waktu terdekat sebelum tamat tempoh sewaan semasa. Bagi projek-projek kendalian JKR, pihak KDN akan menyediakan Standard Operating Procedure bersama JKR berkaitan tatacara penyerahan projek bagi mengelakkan masalah ini berulang

6

PELANTIKAN KONTRAKTOR

2. Tiada Bukti Surat Niat Dikeluarkan Kepada Kontraktor (Perenggan 15.5.2.1)

KRITERIA

Mengikut Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 2 Julai 2003, bagi memastikan pelaksanaan projek secara rundingan terus tidak mengalami kelewatan, agensi dikehendaki memastikan rundingan dengan kontraktor mengenai skop kerja, reka bentuk, harga dan tempoh siap serta lain-lain dimuktamadkan dalam tempoh 6 bulan selepas Surat Niat dikeluarkan bagi nilai projek yang berjumlah melebihi RM10 juta. Tawaran melaksanakan projek ini secara rundingan terus akan terbatal secara automatik jika tempoh tersebut dilangkaui. Manakala Surat Arahan Perbendaraan bertarikh 30 Julai 2002 menyatakan Surat Niat hendaklah dikeluarkan dalam tempoh satu minggu selepas menerima kelulusan Kementerian Kewangan.

PENEMUAN AUDIT

Semakan Audit mendapati Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh pada 24 September 2008 telah bersetuju supaya projek ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat FFAS Builders Sdn. Bhd. Bagaimanapun, tidak ada bukti Surat Niat dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh masa yang diambil untuk memuktamadkan rundingan harga

PELANTIKAN KONTRAKTOR

2. Tiada Bukti Surat Niat Dikeluarkan Kepada Kontraktor (Perenggan 11.5.2.1)

Memandangkan projek ini merupakan projek konvensional secara rundingan terus, maka hanya memadai dengan mengeluarkan Surat Pelawaan Mengemukakan Tender. Ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 yang menyatakan Surat Niat merupakan pernyataan hasrat Kerajaan untuk menerima tawaran daripada petender tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dan tidak mengikat kedua-dua pihak kepada satu kontrak

PENDAPAT AUDIT

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007 tidak menyatakan Surat Pelawaan Mengemukakan Tender adalah memadai bagi projek konvensional secara rundingan terus. Sebaliknya, Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 2 Julai 2003 dan 26 Mac 2008 jelas menyatakan Surat Niat hendaklah dikeluarkan bagi perolehan yang diluluskan secara rundingan terus.

PENGURUSAN PROJEK

3. Perolehan Bahan/Barangan Import Tidak Mendapat Kelulusan Kementerian Kewangan (Perenggan 11.5.2.3.)

KRITERIA

Mengikut SPP Bil. 7 Tahun 2002, kelulusan pihak MITI hendaklah diperolehi terlebih dahulu sekiranya bahan/barangan import bernilai RM50 ribu hendak digunakan. Perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam negara (ex-stock) dan bernilai RM50 ribu memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu sebelum perolehan bahan/barangan tersebut dibuat.

PENEMUAN AUDIT

Perolehan bagi 3 barangan yang telah diimport daripada luar negara berjumlah RM4.21 juta tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

9

PENGURUSAN PROJEK

3. Perolehan Bahan/Barangan Import Tidak Mendapat Kelulusan Kementerian Kewangan (Perenggan 11.5.2.3.)

BARANGAN YANG DIIMPORT TANPA KELULUSAN MITI ATAU KEMENTERIAN KEWANGAN

BUTIRAN	NEGARA PENGELUAR	JUMLAH (RM Juta)
Cermin Fasad Dan Composite Panel	China	2.78
Gondola	Jerman	0.42
Lif (3 unit @ RM342,860)	Finland	1.03
JUMLAH		4.21

10

PENGURUSAN PROJEK

3. Perolehan Bahan/Barangan Import Tidak Mendapat Kelulusan Kementerian Kewangan (Perenggan 11.5.2.3.)

PENDAPAT AUDIT

JKR hendaklah mendapatkan kelulusan daripada MOF terlebih dahulu bagi perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam negara (ex-stock) untuk digunakan bagi tujuan pembinaan projek ini. Ini adalah selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan dan hasrat Kerajaan untuk memastikan penggunaan bahan/barangan tempatan diutamakan.

MAKLUM BALAS JKR

Pihak JKR tidak memohon kelulusan MOF kerana Sistem Fasad ini adalah buatan tempatan. Pihak Kontaktor bagi projek ini telah mendapat bekalan komponen fasad daripada pembekal tempatan (berdaftar di Malaysia). Panel cermin dan komposit aluminium adalah sebahagian daripada sistem reka bentuk fasad dan komposit aluminium adalah sebahagian daripada sistem reka bentuk fasad dan dilaksanakan oleh pembekal yang merupakan pengilang bagi kerja-kerja pembekalan dan pemasangan fasad di tapak. Pembekal tersebut telah membekalkan keseluruhan Sistem Fasad dengan membekalkan keseluruhan Sistem Fasad dengan mendapatkan bahan mentah iaitu panel cermin dan komposit daripada luar negara dan pembuatan bingkai serta kerja pemotongan panel-panel mengikut saiz yang diperlukan di tapak.

PENGURUSAN PROJEK

4. Pagar Keselamatan Tidak Dibina Di Hadapan Balai Polis (Perenggan 11.5.2.4)

PENEMUAN AUDIT

Pembinaan pagar keselamatan tidak merangkumi keseluruhan kawasan kompleks di mana pagar keselamatan tidak dibina di hadapan balai

GAMBAR 1



GAMBAR 2



PENGURUSAN PROJEK

4. Pagar Keselamatan Tidak Dibina Di Hadapan Balai Polis (Perenggan 11.5.2.4)

PENDAPAT AUDIT

Pembinaan pagar di hadapan Balai Polis adalah perlu sebagai langkah keselamatan memandangkan kedudukan Balai Polis ini berhampiran dengan jalan utama dan terdedah kepada pencerobohan. Selain itu, pos pengawal hendaklah juga dibina untuk mengawal orang ramai keluar masuk Balai Polis tersebut. Ini adalah selaras dengan Arahan Keselamatan Kerajaan.

MAKLUM BALAS KDN

Pembinaan pagar keselamatan di hadapan balai tidak termasuk dalam skop projek pada masa tersebut kerana mengamalkan konsep 'mesra pengguna' pada ketika itu. Lagipun, kawasan yang terlibat hanyalah melibatkan laluan masuk ke pintu utama kaunter pertanyaan Balai Polis Sentul sahaja yang beroperasi 24 jam dan ada anggota yang bertugas. Bagaimanapun, atas penelitian keadaan keselamatan semasa pihak PDRM telah pun mengambil inisiatif dengan membuat pelawaan sebut harga untuk pembinaan pagar keselamatan. Mesyuarat jawatankuasa dijangka akan bersidang pada minggu pertama bulan Mei dan pembinaannya akan dimulakan pada minggu kedua bulan Mei 2014. Kerja-kerja akan disiapkan dalam tempoh 45 hari. Untuk langkah keselamatan sementara, penghadang mudah alih 'crowd barrier' telah pun diletakkan di kawasan yang terlibat. Skop pembinaan pos pengawal telah dan sedang dilaksana untuk kompleks PDRM sekarang.

PRESTASI PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4)

Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai (Perenggan 11.5.4.1.)

GAMBAR 3



GAMBAR 4



*Tangga Ke Ams-1, Bangunan Pentadbiran
Tidak Kemas Tangga Jenis Non Slip Nosing Tiles Dipasang Bagi Mengejak Tangga
Menjadi Licin Memandangkan Kawasan tersebut Terdedah Kepada Air Hujan
(29.10.2013)*

PRESTASI PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai (Perenggan 11.5.4.1.)

GAMBAR 5



*Tandas, Bangunan Pentadbiran
- Kedudukan Pili Air Yang Tidak Sesuai
(28.10.2013)*

GAMBAR 6



*Tempat Mengambil Wuduk, Bangunan Pentadbiran
- Tempat Mengambil Wuduk Tidak Mempunyai
Bekendul Dan Ini Boleh Menyebabkan Air
Mengalir Di Kawasan Berhampiran
(28.10.2013)*

PRESTASI PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)


Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai (Perenggan 11.5.4.1.)

GAMBAR 7



**Ketinggian
1200 mm**

GAMBAR 8




*Tandas Dan Bilik Mandi Wanita, Aras 3, Bangunan Pentadbiran
- Ketinggian Pemasangan Tingkap Yang Tidak Sesuai Akan Menjejaskan Keselesaan Kepada Pengguna
Wanita Dimana Ketinggian Antara Lantai Dengan Tingkap Adalah 1200 mm.
(19.03.2014)*

PRESTASI PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai (Perenggan 11.5.4.1.)

GAMBAR 9



GAMBAR 10



*Bangunan Pentadbiran, Aras 1 (Tandas Dan Bilik Mandi Wanita)
- Kedudukan Tingkap Tandas Dan Bilik Mandi Wanita Di Bahagian Luar Dimana Tingkap Ini Mudah
Dibuka Dari Luar (Bahagian Tempat Letak Kenderaan)
(29.10.2013 dan 13.03.14)*

PRESTASI PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai (Perenggan 11.5.4.1.)

GAMBAR 11



GAMBAR 12



*Aras 4, Bangunan Pentadbiran
Tilam Pelepar Dikira Bentuk Dari Dipasang Pada Permukaan Lantai
Ini Boleh Mendatangkan Bahaya Kepada Pengguna
(30.10.2013)*

PRESTASI PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai (Perenggan 11.5.4.1.)

GAMBAR 13



Tandas Letak, Arah 9, Bangunan Pentadbiran
- Tingkap Kaca Yang Dipasang Tidak Sesuai Dan Menyebabkan Ketidakelesaan
Pangguna. Tingkap Kaca Ini Telah Dipasang Disinua Arah Tandas
(30.10.2013)

19

PRESTASI PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai (Perenggan 11.5.4.1.)

GAMBAR 14



GAMBAR 15



Tempat Letak Kenderaan
- Roof Insulation Jenis Aluminium Foil Tidak Perlu Dipasang Di Tempat Kenderaan
Berhumbung
(30.10.2013)

20

PENGURUSAN PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai (Perenggan 11.5.4.1.)

MAKLUM BALAS JKR

Pihak kontraktor telah mengikut spesifikasi dan lukisan pembinaan daripada pihak Arkitek


21

PRESTASI PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

- Kualiti Kerja Pembinaan Yang Tidak Memuaskan. Tindakan Pembaikan Telah Diambil Selepas Teguran Audit (Perenggan 11.5.4.2.)

GAMBAR 16



Bangunan Pentadbiran, Aras 1
- Paip Salur Keluar Tidak Disambung Terus Ke
Longkang Perimeter Bangunan
(30.10.2013)

GAMBAR 17



Bangunan Pentadbiran, Aras 1
- Paip Salur Keluar Telah Disambungkan Terus
Ke Longkang
(Sumber: JKR - 04.04.2014)

PRESTASI PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

• Kualiti Kerja Pembinaan Yang Tidak Memuaskan. Tindakan Pembaikan Selepas Teguran Audit (Perenggan 11.5.4.2.)

GAMBAR 18



*Tempat Letak Kereta – Aras 4
- Air Beriakung Pada Permukaan Lantai
(29.10.2013)*

GAMBAR 19



*Tempat Letak Kereta – Aras 4
- Penghadang (Bump) Telah Dibina Untuk
Mengelakkan Air Air Daripada Memasuk Ke
Tempat Letak Kereta
(Sumber: JKR – 19.05.2014)*

23

PRESTASI PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

• Kualiti Kerja Pembinaan Yang Tidak Memuaskan. Tindakan Pembaikan Selepas Teguran Audit (Perenggan 11.5.4.2.)

GAMBAR 20



*Blok Podium, Aras 5
- Kretakan Pada Permukaan Bumbung Konkrit
Rata
(30.10.2013)*

GAMBAR 21



*Blok Podium, Aras 5
- Kretakan Pada Permukaan Bumbung
Konkrit Rata Telah Diperbaiki
(Sumber: JKR – 19.03.2014)*

24

PRESTASI PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

Kualiti Kerja Pembinaan Yang Tidak Memuaskan. Tindakan Pembaikan Selepas Teguran Audit (Perenggan 11.5.4.2.)

GAMBAR 22



Bilik Ketua Polis Daerah, Bangunan Pentadbiran, Aras 11
- Kebocoran Berlaku Daripada Permukaan Siling
(04.04.2014)

GAMBAR 23



Bilik Ketua Polis Daerah, Bangunan Pentadbiran, Aras 1
- Pihak Kontraktor Telah Menjalankan Kerja Kerja Pembaikan "Rain Water Down Pipe" Dan "Water Proofing" Dan Kerja-Kerja Pembaikan Siling Telah Dilaksanakan
(05.05.2014)

25

PRESTASI PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

Kualiti Kerja Pembinaan Yang Tidak Memuaskan. (Proses Pembaikan) [Perenggan 11.5.4.2.)

GAMBAR 24



Bilik Mekanikal (VRV), Aras 3
- Saluran Pipa Air Hujan Digantung Dengan Tali Dan Digantung Dengan Bracket Yang Tidak Sesuai Di Mana Tempat Gantungan Telah Melandui
(29.10.2013)

26

PRESTASI PROJEK


5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

**Kualiti Kerja Pembinaan Yang Tidak Memuaskan (Proses Pembaikan)
[Perenggan 11.5.4.2.]**

GAMBAR 25



GAMBAR 26



*Tempat Letak Kereta – Aras 4
-Lapan Yang Tidak Sempurna Pada Permukaan Lantai
(29.10.2013)*

27

PRESTASI PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

**Kualiti Kerja Pembinaan Yang Tidak Memuaskan (Proses Pembaikan)
[Perenggan 11.5.4.2.]**



*Tempat Letak Kereta – Aras 4
-Kesan Lelehan Air Pada Permukaan Dinding Menyebabkan Kulat Terbentuk
(29.10.2013)*

28

PRESTASI PROJEK


5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

Kualiti Kerja Pembinaan Yang Kurang Memuaskan (Proses Pembaikan) [Perenggan 11.5.4.2.]

GAMBAR 28



GAMBAR 30



*Area Bumbung, Bangunan Pentadbiran
Kerosakan Pada Permukaan Lantai Bumbung Konkrit Rata
(30.10.2013)*

28

PENGURUSAN PROJEK

5. Kualiti Pembinaan (Perenggan 11.5.4.)

Kualiti Kerja Pembinaan Yang Tidak Memuaskan (Perenggan 11.5.4.2.)

MAKLUM BALAS JKR

Kerja-kerja pembaikan kecacatan dan kerosakan telah dilaksanakan secara berperingkat dan baki kecacatan akan disiapkan sepenuhnya sebelum tempoh tanggungan kecacatan yang akan tamat pada 31 Mei 2014.

30

SYOR AUDIT

31

SYOR AUDIT (samb...)

Bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi pada masa hadapan perkara berikut perlu diberi perhatian:

- 1** JKR perlu memastikan kontraktor mematuhi peraturan mengenai penggunaan bahan/barangan import.
- 2** JKR perlu memastikan semua kecacatan kerja diperbaiki oleh kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan.
- 3** KDN perlu memastikan tahap keselamatan Balai Polis dengan menyediakan pagar keselamatan selaras dengan Arahan Keselamatan Kerajaan.
- 4** JKR hendaklah memastikan pemantauan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan kualiti kerja yang rendah. Selain itu, JKR juga hendaklah memantau kerja-kerja perunding bagi memastikan perunding menjalankan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan.

32



**Sekian
Terima Kasih**

MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

(PAC) MENGENAI
LAPORAN KETUJUAUDIT

NEGARA SIRI 2 2013

PROJEK PEMBINAAN IBU PEJABAT
POLIS DAERAH (IPD) SENTUL,

KUALA LUMPUR

14 OKTOBER 2014


SKOP PEMBENTANGAN

- **MAKLUMAT PROJEK**
- **PENEMUAN AUDIT**
- **PENJELASAN DAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN**
- **PENUTUP**

MAKLUMAT PROJEK

Kaedah Pelaksanaan	: Konvensional Perunding
Pegawai Penguasa	: JKR Wilayah Kuala Lumpur
Siling Projek Asal	: RM 78 juta
Siling Projek Terkini	: RM 83.6 juta (PFI I)
Nilai Kontrak Asal	: RM 64 juta
Nilai Kontrak Terkini	: RM 70.34 juta
Kontraktor	: SAFF Builders Sdn. Bhd. (Rundingan Terus)
Arkitek	: Ridzuan Zaihan Associates Sdn. Bhd.
Sivil dan Struktur	: Pakatan Runding Yusoff Sdn. Bhd.
Mekanikal	: Engineering & Environment Consultants
Elektrikal	: Abena Consultants Sdn. Bhd.
Ukur Bahan	: Kumpulan Ikhtisas Projek (M) Sdn. Bhd.
Tarikh Milik Tapak	: 15 Mei 2010
Tarikh Siap Asal	: 3 Februari 2012
Tarikh Siap Sebenar	: 31 Mei 2013
Lanjutan Masa	: EOT 1: 23 April 2012 EOT 3: 28 Februari 2013 : EOT 2: 30 Oktober 2012 EOT 4: 31 Mei 2013

Ringkasan Carta alir Proses Pembinaan IPD Sentul



PENEMUAN AUDIT

5


1. Kelewatan penyiapan projek dari tarikh siap sebenar;
2. Jumlah kos projek melebihi peruntukan yang diluluskan;
3. Kelewatan menduduki bangunan IPD Sentul yang baru;
4. Tiada Surat Niat Dikeluarkan Bagi Pelantikan Kontraktor Secara Rundingan Terus;
5. Perolehan Bahan/Barangan Import Tidak Mendapat Kelulusan Kementerian Kewangan;
6. Pagar Keselamatan Tidak Dibina Di Hadapan Balai Polis;
7. Reka bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai dan kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan; dan
8. Pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak JKR terhadap Perunding

TINDAKAN YANG DIAMBIL

- Pendekatan yang diambil KDN dan JKR untuk mengatasi kelemahan daripada berulang adalah:
 - Pembetulan
 - Pencegahan

I. Kelewatan Penyiapan Projek Dari Tarikh Siap Sebenar

Penjelasan dan Tindakan Penambahbaikan



- **Isu EOTI**- JKR mengakui teguran audit dan kajian penyiasatan tanah (SI) telah dijalankan oleh kontraktor IKRAM secara rawak sebelum kerja-kerja rekabentuk dilakukan. Daripada 5 borehole (BH) yang dijalankan di tapak, 2 BH didapati tiada ditemui batuan granite. Manakala 3 BH yang ditemui adalah granite gred 2 (fracture granite). Semasa kerja boring dijalankan, granite gred A telah ditemui oleh pihak kontraktor. Penemuan ini berlainan dengan keputusan SI yang dibuat. Berdasarkan amalan kejuruteraan rekabentuk asas yang biasa dipraktikkan rekabentuk semula perlu dibuat sekiranya penemuan di tapak bertentangan dengan keputusan SI yang didapati dan ianya memberi kesan kepada tempoh masa projek

1. Kelewatan Penyiapan Projek Dari Tarikh Siap Sebenar (samb.)

- **Isu EOT 2** - Mengenai isu kelewatan perunding elektrik mengemukakan *construction drawing*, JKR mengakui bahawa perunding mempunyai **kekangan masa** menyediakan lukisan pembinaan sebelum perolehan rundingan terus dilaksanakan. Perunding juga telah meminta supaya disediakan penghadang sementara semasa kerja pengorekan atas **faktor keselamatan** dan penggunaan tanah yang diimport untuk kerja pamadatan.
- **Isu EOT 3** – Atas **faktor keselamatan juga**, keperluan tambahan seperti CCTV, bilik soalsiasat dan bilik pemerhati daripada PDRM perlu dilaksanakan yang mengakibatkan pelanjutan masa. Kementerian akan memastikan pengguna (PDRM) memuktamadkan skop sebelum proses rundingan harga.
- **Isu EOT 4** - IPD Sentul terletak dalam **kawasan bandar dan kerja pengorekan terbuka jalan adalah tidak dibenarkan** oleh DBKL. Sehubungan itu, kerja pemasangan kabel TNB ke pencawang elektrik yang telah siap mengambil masa kerana pihak TNB terpaksa mematuhi syarat DBKL yang meminta kerja pemasangan kabel secara horizontal direct drilling (HDD).

I. Kelewatan Penyiapan Projek Dari Tarikh Siap Sebenar (samb.)

Tindakan Pencegahan

- Kementerian akan memastikan keperluan daripada semua agensi utiliti dan PBT dikenal pasti sebelum pelaksanaan projek. (peringkat rekabentuk).
- Selain itu, semasa pelaksanaan projek, kekerapan perbincangan dengan pihak utiliti TNB, Telekom dan DBKL perlu dibuat.
- Rekabentuk projek dimuktamadkan pada 30 September 2009. Sehubungan itu, semasa peringkat perancangan awal projek pembinaan IPD Sentul, ianya tidak terikat dengan Pekeliling EPU berkaitan Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai (Value Management) yang berkuat kuasa pada 29 Disember 2009. KDN dan JKR akan memastikan Value Management Lab (VM Lab) dilaksanakan untuk projek melebihi RM50 juta di masa akan datang.

2. Jumlah Kos Projek Melebihi Peruntukan Yang Diluluskan

Penjelasan dan Tindakan Penambahbaikan

Siling Asal: RM78 juta

Jumlah perbelanjaan sehingga 31 Disember 2013	
Item	Perbelanjaan
Bayaran Kontraktor	RM69,544,700.00
Bayaran Perunding	RM6,141,837.93
Bayaran Utiliti oleh JKR (HQ)	RM146,575.78
Bayaran Sumbangan (Contribution Fees) oleh JKR Wilayah	RM1,130,697.75
Jumlah	RM76,963,811.46

2. Jumlah Kos Projek Melebihi Peruntukan Yang Diluluskan (samb.)

PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN	JUMLAH (RM)
Variation of Price	
- Mekanikal	106,399.02
- Elektrikal	487,932.81
- Bangunan	2,736,218.10
Yuran Perunding	
- Penyeliaan tapak	1,208,482.00
- Bayaran Ikhtisas Perunding	544,500.20
JUMLAH	5,083,532.13

Tindakan Pembetulan

Tindakan susulan telah diambil dengan membuat permohonan perubahan siling kepada pihak Kementerian Kewangan (MOF) dan melalui surat bertarikh 19 Ogos 2014, **MOF telah meluluskan peruntukan siling tambahan sebanyak RM83.6Juta.**

3. Kelewatan menduduki bangunan IPD Sentul Yang Baru (samb.)

Penjelasan dan Tindakan Penambahbaikan

- Penyerahan bangunan IPD Sentul daripada JKR kepada KDN telah diadakan pada 5 Jun 2013. Selepas penyerahan bangunan, PDRM perlu merancang dengan teliti untuk tindakan-tindakan lain seperti:
 - a) Melaksanakan pembersihan, pembaikan kecacatan dan pemeriksaan kelengkapan yang dibekalkan agar cukup serta berfungsi dengan baik
 - b) Pemasangan sistem perhubungan komunikasi seperti (Sistem AMHASNAT, Sistem PABX, Sistem C4I, Sistem PRS dan Peralatan Saifer) perlu dilengkapkan terlebih dahulu sebelum beroperasi. Ini termasuklah juga tindakan untuk memindahkan sistem sedia ada yang digunakan dari bangunan sewaan IPD ke bangunan baru.
 - c) Bagi kelengkapan dan perolehan perabot ianya perlu disempurnakan dahulu sebelum IPD tersebut beroperasi.

3. Kelewatan menduduki bangunan IPD Sentul Yang Baru (samb.)

- Proses perpindahan melibatkan hampir 600 personal PDRM memakan masa dan memerlukan perancangan teliti.
- Tempoh masa lebih kurang 6 bulan dilihat adalah munasabah untuk semua tindakan di atas diambil sebelum IPD Sentul digunakan sepenuhnya. IPD Sentul mula beroperasi pada 2 Disember 2013.
- Untuk bangunan sewaan pula, kerja-kerja pembaikan dan pengubahsuaian semula perlu dibuat sebelum ianya diserahkan kepada pemilik asal seperti kehendak kontrak sewaan.

4. Tiada Surat Niat Dikeluarkan Bagi Pelantikan Kontraktor Secara Rundingan Terus

Penjelasan dan Tindakan Penambahbaikan

- JKR mengakui terlepas pandang bahawa Surat Niat tidak dikeluarkan kepada kontraktor. Walau bagaimanapun, JKR telah mengeluarkan Surat Pelawaan Tender kepada kontraktor bertarikh 6 Oktober 2009. Surat Pelawaan Tender ini jelas menyatakan hasrat Kerajaan untuk melantik pihak kontraktor dalam melaksanakan projek secara Rundingan Terus. Surat tersebut juga mengandungi maklumat berkaitan skop kerja, tempoh penyediaan dan ianya tidak mengikat Kerajaan sepertimana yang terkandung dalam Surat Niat.
- Ketiadaan Surat Niat ini tidak menjejaskan pelaksanaan projek tersebut. Malah, prosedur perolehan projek yang lain telah dipatuhi.
- Bagi projek akan datang, JKR akan memastikan tatacara kewangan dan perolehan termasuk pengeluaran Surat Niat kepada kontraktor dipatuhi

5. Perolehan Bahan/Barangan Import Tidak Mendapat Kelulusan Kementerian Kewangan

Penjelasan dan Tindakan Penambahbaikan

Lif & Gondola

- Perolehan bagi projek IPD Sentul adalah pakej rundingan terus dimana pihak kontraktor menawarkan peralatan mekanikal termasuk barangan import lif dan gondola dengan harga tawaran keseluruhan projek yang paling menguntungkan kerajaan. JKR mengakui terlepas pandang untuk memastikan mana-mana barangan import melebihi RM50,000 perlu mendapat kelulusan pihak MITI.

Cermin fasad dan composite aluminium panel

- Cermin fasad dan composite aluminium panel yang dibekalkan adalah dalam bentuk bahan mentah dan bukannya bahan siap yang diimport yang berada dalam negara (ex-stock) seperti mana teguran audit dan maksud Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.

5. Perolehan Bahan/Barangan Import Tidak Mendapat Kelulusan Kementerian Kewangan (Samb.)

Tindakan Pembetulan

- Bagi perolehan pakej rundingan terus, pihak Cawangan Kejuruteraan Mekanikal JKR telah mengambil tindakan sewajarnya dengan menyeragamkan dan memasukkan klausa penggunaan bahan/barangan tempatan di dalam dokumen tender/sebutharga. Semua dokumen tender/sebutharga terkini telah dilengkapi dengan klausa tersebut.

5. Perolehan Bahan/Barangan Import Tidak Mendapat Kelulusan Kementerian Kewangan (samb.)

Tindakan Pembetulan

- Berkuatkuasa 1 Ogos 2014, semua agensi Kerajaan diminta mengenalpasti pengeluaran/pemasang tempatan sebelum perolehan barangan import dibuat tanpa perlu merujuk kepada MITI. Ini bermakna permohonan kelulusan ke MITI tidak perlu dibuat.

6. Pagar Keselamatan Tidak Dibina Di Hadapan Balai Polis

Penjelasan dan Tindakan Penambahbaikan

- Kawasan bangunan IPD Sentul adalah **berpagar sepenuhnya kecuali di bahagian hadapan Balai Polis Sentul sahaja.**
- Ketiadaan pembinaan pagar keselamatan berkenaan adalah kerana mengamalkan konsep 'mesra pengguna' sebagaimana yang dipersetujui semasa Mesyuarat Khas dan Taklimat Penyediaan Maklumbalas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 pada 5 Mei 2014 di Kementerian Kewangan.

7. Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai dan Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan

Penjelasan dan Tindakan Penambahbaikan

JKR mengambil maklum dan mengakui teguran audit mengenai ketidaksesuaian rekabentuk yang dilaporkan. Walau bagaimanapun, terdapat rekabentuk yang **tidak menjejaskan fungsi dan penggunaan fasiliti** berkenaan seperti:

1. Kedudukan pili air di tandas
2. Tempat mengambil wuduk yang tiada rekabentuk bendul
3. Pemasangan insulation jenis Aluminium Foil di bumbung tempat letak kenderaan




Pembaikan juga telah dilaksanakan kontraktor dalam tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP).

7. Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai dan Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan (Samb.)

Tindakan Pencegahan


- Penyelarasan lukisan perlu dilaksanakan antara arkitek dengan jurutera struktur, memastikan sistem pengeluaran Sijil Penyiapan Dan Pematuhan (CCC) dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi memastikan perakuan kerja dibuat oleh para profesional pada setiap peringkat pembinaan bagi menjamin kualiti kerja di tapak.
- Pemilihan kontraktor yang lebih kompeten dan berprestasi baik bagi memudahkan pengurusan projek yang lebih berkesan di masa akan datang.

TINDAKAN PEMBETULAN


BIL.	PENEMUANAUDIT	STATUSTINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
1.	<p>Tangga Ke Aras 1, Bangunan Pentadbiran</p> <p>-Tiada Kemasam Tangga Jenis Non Slip Nosing Tiles Dipasang Bagi Mengelak Tangga Menjadi LicinMemandangkan Kawasan Tersebut Terdedah Kepada Air Hujan (29.10.2013)</p>  	<p>Kerja pembaikan telah dilaksanakan.</p> 

TINDAKAN PEMBETULAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
2.	Tandas, Bangunan Pentadbiran - Kedudukan Pili Air Yang Tidak Sesuai (29.10.2013)	Kontraktor telah mengikut Lukisan Pembinaan dan spesifikasi rekabentuk Perunding Arkitek Rekabentuk yang tidak menjejaskan fungsi dan penggunaan fasiliti





TINDAKAN PEMBETULAN



BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
3.	<p>Tempat Mengambil Wuduk, Bangunan Pentadbiran</p> <p>- Tempat Mengambil Wuduk Tidak Mempunyai Bebendul Dan Ini Boleh Menyebabkan Air Mengalir Di Kawasan Berhampiran (29.10.2013)</p>	<p>Kontraktor telah mengikut Lukisan Pembinaan dan spesifikasi rekabentuk Perunding Arkitek</p>
		<p>Rekabentuk yang tidak menjejaskan fungsi dan penggunaan fasiliti. Kecerunan lantai dapat mengalirkan air ke floor trap.</p>

TINDAKAN PEMBETULAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
4.	<p>Tandas Dan Bilik Mandi Wanita, Aras 3, Bangunan Pentadbiran</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ketinggian Pemasangan Tingkap Yang Tidak Sesuai Akan Menjejaskan Keselesaan Kepada Pengguna Wanita Dimana Ketinggian Antara Lantai Dengan Tingkap Adalah 1,200 mm. (19.03.2014) 	<p>Kerja pembaikan telah dilaksanakan (penampalan tinted film)</p>



TINDAKAN PEMBETULAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
5.	<p>Bangunan Pentadbiran, Aras 3 (Tandas Dan Bilik Mandi Wanita)</p> <p>- Kedudukan Tingkap Tandas Dan Bilik Mandi Wanita Dari Bahagian Luar Dimana Tingkap Ini Mudah Diakses Dari Luar (Bahagian Tempat Letak Kenderaan) (29.10.2013 dan 19.03.14)</p>	<p>Kerja pembaikan telah dilaksanakan (penampalan tinted film)</p>
		

TINDAKAN PEMBETULAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
6.	<p>Aras 4, Bangunan Pentadbiran</p> <ul style="list-style-type: none"> -Tiada Pelepar Direka Bentuk Dan Dipasang Pada Permukaan Lantai. -Ini Boleh Mendatangkan Bahaya Kepada Pengguna (30.10.2013) 	<p>Kontraktor telah mengikut Lukisan Pembinaan dan spesifikasi rekabentuk Perunding Arkitek.</p> <p>Pelepar tidak direkabentuk di peringkat awal kerana kedudukan tangga berkenaan adalah tidak tinggi dan berada di pintu keluar ke arah tempat letak kenderaan.</p> <p>Namun JKR akui ini adalah kelemahan rekabentuk dan tiada dalam skop asal. Penambahbaikan akan dibuat dengan menyediakan railing.</p>

TINDAKAN PEMBETULAN



BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
7.	<p>Tandas Lelaki, Aras 9, Bangunan Pentadbiran</p> <p>-Tingkap Kaca Yang Dipasang Tidak Sesuai Dan Menyebabkan Ketidakelesaan Pengguna. Tingkap Kaca Ini Telah Dipasang Di Semua Aras Tandas (30.10.2013)</p>	<p>Kerja pembaikan telah dilaksanakan (penampalan tinted film)</p>



TINDAKAN PEMBETULAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
8.	<p>Tempat Letak Kenderaan</p> <ul style="list-style-type: none">- Roof Insulation Jenis Aluminium Foil Tidak Perlu Dipasang Di Tempat Kenderaan Berbumbung (30.10.2013) 	<p>Kontraktor telah mengikut Lukisan Pembinaan dan spesifikasi rekabentuk Perunding Arkitek.</p> <p>Rekabentuk yang tidak menjejaskan fungsi dan penggunaan fasiliti.</p>

TINDAKAN PEMBETULAN


BIL.	PENEMUANAUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
1.	<p>Bangunan Pentadbiran, Aras 1</p> <p>- Saluran Paip Air Hujan Tidak Digantung Dengan Bracket Yang Sesuai (29.10.2013)</p> 	<p>Kontraktor Telah Menjalankan Kerja Pembaikan (30.04.2014) dengan menambah pendakap.</p> 

TINDAKAN PEMBETULAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
2.	Bilik Mekanikal (VRV), Aras 3 -Paip Dipasang Tanpa Bracket Menyebabkan Paip Tersebut Telah Melendut(29.10.2013)	Kontraktor Telah Menjalankan Kerja Pembaikan (11.06.2014)





TINDAKAN PEMBETULAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
3.	<p>Bilik Mekanikal (VRV), Aras 3</p> <p>-Tiada Pemasangan Konduit Mudah Lentur Untuk Melindungi Kabel Elektrik. Kabel Yang Terdedah Kepada Cuaca Boleh Mengurangkan Jangka Hayat Kabel Tersebut (29.10.2013)</p> 	<p>Kontraktor telah mengikut Lukisan Pembinaan dan spesifikasi rekabentuk fasad.</p>



TINDAKAN PEMBETULAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
4.	Bilik Mekanikal (VRV), Aras 3 - Saluran Paip Air Hujan Digantung Dengan Tali Dan Digantung Dengan Bracket Yang Tidak Sesuai Di Mana Tempat Gantungan Telah Melendut (29.10.2013)	Kontraktor Telah Menjalankan Kerja Pembaikan (27.05.2014)





TINDAKAN PEMBETULAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
5.	Tempat Letak Kereta – Aras 4 - Leraan Yang Tidak Sempurna Pada Permukaan Lantai (29.10.2013)	Kontraktor Telah Menjalankan Kerja Pembaikan (14.04.2014) dengan meleppa semula.



TINDAKAN PEMBETULAN



BIL.	PENEMUANAUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
6.	Tempat Letak Kereta – Aras 4 - Kesan Lelehan Air Pada Permukaan Dinding Menyebabkan Kulat Terbentuk(29.10.2013)	Kontraktor Telah Menjalankan Kerja Pembaikan (30.04.2014) terhadap flashing bumbung. 
		

TINDAKAN PEMBETULAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
7.	<p>Balai Polis, Bersebelahan Laluan Pejalan Kaki - Lampu Yang Tidak Di Box Up Boleh Menyebabkan Kecurian (30.10.2013)</p> 	<p>Kontraktor telah mengikut Lukisan Pembinaan dan spesifikasi rekabentuk Perunding Elektrik.</p>

TINDAKAN PEMBETULAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
8.	Aras Bumbung, Bangunan Pentadbiran - Keretakan Pada Permukaan Lantai Bumbung Konkrit Rata (30.10.2013)	Kontraktor Telah Menjalankan Kerja Pembaikan (30.04.2014)



TINDAKAN PEMBETULAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
9.	<p>Kawasan Lanskap Pejalan Kaki, Hadapan Balai - Mendapan Di Kawasan Lanskap (30.10.2013)</p> 	<p>Kerja-kerja berkenaan akan dilakukan oleh pihak Telekom pada 15 Oktober 2014. (Pengesahan bagi melakukan kerja pembaikan seperti di Lampiran).</p>



TINDAKAN PEMBETULAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
10.	Hadapan Laluan Black Maria - Kerja Turapan Berhampiran Manhole Telekom Malaysia Belum Disiapkan Dan Jalan Masuk Yang Tidak Sempurna (30.10.2013)	Kontraktor Telah Menjalankan Kerja Pembaikan (30.05.2014)



TINDAKAN PEMBETULAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN/ PENAMBAHBAIKAN
11.	Bilik Ketua Polis Daerah, Bangunan Pentadbiran-Aras 11 -Kebocoran Berlaku Daripada Permukaan Siling (19.03.2014)	Kontraktor Telah Menjalankan Kerja Pembaikan (5.05.2014)



8. Pemantauan Yang Kurang Berkesan Oleh Pihak JKR Terhadap Perunding

Penjelasan dan Tindakan Penambahbaikan

JKR sentiasa membuat pemantauan terhadap dan penilaian terhadap kerja-kerja perunding setiap bulan semasa Mesyuarat Tapak, Mesyuarat Teknikal dan Mesyuarat Penyelarasan. Pemantauan setiap bidang Perunding dilaksanakan oleh JKR.

Tindakan Pencegahan

Sebarang kelewatan penyediaan lukisan serta kecuaiian oleh Perunding akan di ambil tindakan. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan IPP yang berkuat kuasa pada 3 Julai 2014 dan ini termasuklah arahan mengenai **Perjanjian Memorandum (MOA) yang mengandungi syarat-syarat penalti bagi kelewatan kerja perunding.**

**SEKIAN,
TERIMA KASIH.**